

TATAKELAKUAN



Mengamalkan Nilai Kita

KEPRIHATINAN • KERJA BERPASUKAN GLOBAL • PENINGKATAN BERTERUSAN



*Mengekalkan Piawai
Etika Tertinggi*

PESANAN DARIPADA PENERUSI, PRESIDEN & CEO KITA

Kepimpinan beretika amat penting buat masa ini. Selain daripada nilai Prihatin, Kerja Berpasukan Global dan Peningkatan Berterusan kita, reputasi Syarikat kita dari segi integriti dan piawai etika yang tinggi dari dulu menjadi sumber kekuatan dan kelebihan daya saing kita. Reputasi kita amat penting kepada kakitangan Colgate, kepada pengguna dan pelanggan kita, kepada para pelabur kita dan kepada rakan kongsi perniagaan kita.

Sejak ia dilancarkan hampir 30 tahun yang lalu, Tatakelakuan kita telah memberi panduan kepada kita berdasarkan prinsip yang mencerminkan nilai-nilai dan piawai Colgate yang mantap yang membimbing tingkah laku beretika kita. Tatakelakuan ini dikaji semula, dikemas kini dan diterbitkan semula secara tetap untuk memastikan ia terus relevan. Sebagai syarikat yang benar-benar global yang beroperasi di banyak negara di seluruh dunia, kita semua perlu memastikan bahawa tingkah laku dan keputusan kita selari dengan cita-cita dan nilai kita yang dinyatakan dalam Tatakelakuan.

Setiap orang daripada kita membuat keputusan setiap hari yang mungkin mempunyai implikasi peribadi, kewangan, kemasyarakatan atau etika. Sebagai ahli keluarga Colgate, ia penting untuk anda membaca, memahami dan mematuhi sepenuhnya Tatakelakuan kita untuk memastikan bahawa keputusan kita dipandu oleh tanggungjawab peribadi kita untuk bertindak dengan integriti dan piawai etika yang tertinggi.

Kakitangan Colgate dijangka sentiasa menunjukkan tingkah laku yang beretika melalui tindakan dan kata-kata mereka. Ini termasuk "Bersuara" untuk mencabar tingkah laku yang bertentangan dengan Tatakelakuan kita, serta dasar Colgate atau undang-undang lain yang berkenaan.

Kakitangan Colgate bangga dengan pencapaian perniagaan mereka. Pencapaian sangat penting, begitu juga cara kita mencapai hasil tersebut. Bagi komitmen terus-menerus anda terhadap nilai bersama kita dan kepimpinan yang beretika, yang amat penting kepada kejayaan berterusan perniagaan kita, saya dahului dengan ucapan terima kasih.



Ian Cook
Pengerusi, Presiden & CEO

MENGAMALKAN NILAI KITA

Dengan mengamalkan nilai Colgate iaitu, Keprihatinan, Kerja Berpasukan Global dan Peningkatan Berterusan, kita mencipta budaya yang mana di dalamnya warga bertindak sebagai sebuah pasukan, bekerja bersama-sama ke arah matlamat yang sama. Tiga nilai penting Colgate merupakan sebahagian daripada semua yang kita lakukan.

KEPRIHATINAN

Syarikat prihatin terhadap semua orang: pekerja, pelanggan, pemegang saham, pembekal dan rakan kongsi perniagaan Colgate. Colgate komited untuk bertindak dengan belas kasihan, integriti, jujur dan piawai etika tertinggi dalam semua situasi, untuk mendengar dengan penuh hormat kepada orang lain dan untuk menghargai perbezaan. Syarikat juga komited untuk melindungi persekitaran global, untuk mempertingkatkan komuniti di mana pekerja Colgate tinggal dan bekerja, dan untuk mematuhi semua undang-undang dan pengawalaturan kerajaan.

KERJA BERPASUKAN GLOBAL

Semua pekerja Colgate adalah sebahagian daripada pasukan global, komited untuk bekerja bersama-sama merentasi negara dan di serata dunia. Hanya dengan berkongsi idea, teknologi dan bakat Syarikat dapat mencapai dan mengekalkan pertumbuhan yang menguntungkan.

PENINGKATAN BERTERUSAN

Colgate komited untuk mencapai peningkatan yang lebih baik dalam apa jua yang dilakukannya, sebagai individu dan sebagai pasukan. Dengan memahami dengan lebih baik jangkaan pengguna dan pelanggan dan secara berterusan bekerja keras untuk memperbaharui dan memperbaiki produk, perkhidmatan dan proses, Colgate akan menjadi yang terbaik. Dalam pasaran yang semakin sengit persaingannya pada hari ini, nilai Colgate menjadi asas kepada kejayaan individu, pasukan dan syarikat. Hanya dengan menghormati orang lain dan mengamalkan nilai Colgate kita boleh mengharapkan untuk mencapai keputusan cemerlang yang luar biasa.

MENGURUS DENGAN RASA HORMAT

“Mengurus dengan Rasa Hormat” ialah cara warga Colgate menempatkan Nilai Syarikat ke dalam tindakan.

Apabila Mengurus dengan Rasa Hormat, kita boleh mewujudkan persekitaran di mana warga berasa bebas untuk menawarkan cadangan, menyumbang idea dan menyumbang kepada organisasi.

Mengurus dengan Rasa Hormat mewujudkan rasa keprihatinan dan semangat berganding bahu antara satu sama lain dengan ikhlas untuk mencapai potensi mereka yang sepenuhnya.

Prinsip Mengurus Dengan Rasa Hormat ialah:

BERKOMUNIKASI

Meluahkan idea dengan jelas dan ringkas; mendengar idea orang lain; mewujudkan persekitaran yang menimbulkan rasa selesa untuk meluahkan pandangan mereka; menggalakkan aliran maklumat yang kena pada masanya dan secara berterusan kepada dan daripada orang lain.

MEMBERI DAN MEMINTA MAKLUM BALAS

Membangunkan semua warga Colgate dengan memberi dan meminta maklum balas yang membangun dan khusus; memberikan arah haluan dan membantu warga berada di atas landasan yang betul; memberi motivasi perubahan yang positif dan memberi ilham kepada kerja yang cemerlang.

MENGHARGAI SUMBANGAN UNIK

Menghargai dan mengiktiraf sumbangan dan kerja baik orang lain; menghormati keindividuan; melibatkan orang lain semasa membuat keputusan dan mewujudkan keutamaan. Menghargai orang lain kerana perbezaan individu mereka adalah penting untuk membina dan mengekalkan kejayaan dalam perniagaan sekarang dan pada masa depan.

MENGALAKKAN KERJA BERPASUKAN

Mewujudkan komitmen terhadap matlamat bersama; menyelesaikan konflik dengan cara yang positif.

MENUNJUKKAN CONTOH

Menunjukkan contoh yang positif untuk menjalankan perniagaan secara beretika, untuk menguruskan tekanan dan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang menyenangkan dan seimbang.

TATAKELAKUAN COLGATE-PALMOLIVE

KANDUNGAN

Tentang Tatakelakuan ini

Hubungan Kita Dengan Satu Sama Lain	9
• Kita berusaha untuk mewujudkan hubungan kerja yang berjaya • Kita menggalakkan komunikasi yang terbuka dan jujur • Kita menghargai warga Colgate sebagai sumber terpenting kita	
Hubungan Kita Dengan Syarikat	12
• Kita mengelakkan daripada konflik kepentingan • Kita melindungi rahsia perdagangan dan maklumat sulit syarikat • Kita berpegang kepada dasar permintaan akhbar dan media • Kita menyimpan buku dan rekod yang tepat • Kita melindungi aset Colgate • Kita menggunakan sumber teknologi maklumat dan media sosial secara bertanggungjawab	
Hubungan Kita Dengan Lembaga Pengarah Kita	19
• Kita mempunyai Lembaga Pengarah yang bebas, berpengalaman dan berbeza latar belakang • Kita menggalakkan komunikasi yang terbuka dan jujur dengan Lembaga Pengarah • Kita komited terhadap tadbir urus korporat yang cemerlang	
Hubungan Kita Dengan Entiti Perniagaan Luar	20
• Kita melayani pembekal, pelanggan dan pihak ketiga lain secara beretika • Kita tidak memberi atau menerima hadiah yang tidak wajar • Kita menghormati rahsia perdagangan dan maklumat sulit orang lain	
Hubungan Kita Dengan Pengguna	22
• Kita meletakkan piawai tertinggi bagi produk kita • Kita responsif terhadap pelanggan • Pengiklanan kita jujur dan tepat	

Hubungan Kita Dengan Kerajaan Dan Undang-undang	24
• Kita mematuhi semua undang-undang yang terpakai • Kita mematuhi undang-undang persaingan • Kita mematuhi undang-undang sekuriti • Kita mematuhi undang-undang antipenyogokan • Kita mematuhi peraturan perdagangan antarabangsa • Kita mematuhi undang-undang privasi data dan perlindungan data • Kita mematuhi undang-undang penyimpanan rekod • Kita tidak membuat sumbangan politik	
Hubungan Kita Dengan Masyarakat	31
• Kita menyertai pendermaan dan kesukarelawan tempatan • Kita bekerjasama dengan kerajaan dalam isu yang menjejaskan perniagaan kita • Kita menentang amalan buruh yang bersifat mengeksploitasi dan tidak berperikemanusiaan • Kita menunjukkan komitmen kita terhadap hak asasi manusia sejagat	
Hubungan Kita Dengan Persekitaran	33
• Kita komited terhadap kemapanan dan tanggungjawab sosial • Kita menjaga dan melindungi persekitaran	
Hubungan Kita Dengan Pemegang Saham	34
• Kita mendukung tadbir urus korporat yang baik demi melindungi nilai pemegang saham • Kita mengekalkan program audit yang kukuh untuk menambah keyakinan pelabur • Kita sentiasa memaklumkan pemegang saham tentang kemajuan Syarikat	
Tanggungjawab Kita Terhadap Pematuhan	35
• Komunikasi dan pendedahan adalah penting • Kita mempunyai sumber dalaman untuk membantu anda jika anda memerlukan bimbingan • Kita “bersuara” untuk melaporkan kekhuatiran kepada pihak yang patut • Tindakan disiplin mungkin diambil • Tatakelakuan ini dikenakan kepada semua warga Colgate dan aktiviti Syarikat	

TENTANG TATAKELAKUAN INI

Tatakelakuan Colgate kita berfungsi sebagai sumber yang penting ke arah memastikan interaksi perniagaan harian kita dijalankan dengan penuh integriti. Ia jelas mengingatkan kita semua bahawa cara kita mencapai hasil perniagaan juga penting. Tatakelakuan ini dikenakan kepada semua warga Colgate, termasuk pengarah, pegawai dan semua pekerja Syarikat dan subsidiarinya. Penjual dan pembekal juga tertakluk kepada keperluan ini kerana pematuhan kepada Tatakelakuan Pihak Ketiga Colgate merupakan syarat menjalankan perniagaan dengan Colgate.

Setiap pekerja bertanggungjawab untuk menunjukkan integriti dan kepimpinan dengan mematuhi Tatakelakuan, [Garis Panduan Amalan Perniagaan Global](#), dasar Syarikat dan semua undang-undang yang berkenaan. Kita menunjukkan komitmen kita terhadap budaya yang menggalakkan piawai etika yang tertinggi dengan menyepadukan etika dan integriti sepenuhnya dalam hubungan perniagaan dan pembuatan keputusan yang sedang berjalan.

Jika anda ada soalan atau kekhawatiran tentang pentafsiran atau pematuhan Tatakelakuan atau mana-mana dasar atau prosedur Colgate yang berkaitan, anda hendaklah membincangkan situasi tersebut dengan pengurus anda, Jabatan Sumber Manusia, Organisasi Undang-undang Global atau Jabatan Etika & Pematuhan Global.

Ia merupakan dasar dan amalan Colgate untuk mengekalkan piawai etika yang tertinggi dan untuk mewujudkan tempat kerja yang bebas daripada kelakuan yang tidak berpatutan dan menyalahi undang-undang yang mana warga digalakkan untuk berkongsi kekhawatiran mereka dengan Syarikat tanpa takut akan pembalasan. Oleh itu, di Colgate, tiada tindakan yang teruk akan diambil terhadap mana-mana pekerja, bekas pekerja, ejen atau pihak ketiga kerana mengadu mengenai, melaporkan, menyertai atau membantu dalam penyiasatan pelanggaran yang disyaki bagi Tatakelakuan Syarikat, dasar Syarikat atau undang-undang yang berkenaan, melainkan dakwaan yang dibuat atau maklumat yang diberikan didapati salah secara sengaja atau berniat jahat. Setakat mana yang dibenarkan, Colgate akan mengekalkan kerahsiaan semua aduan. Semua dakwaan pembalasan akan disiasat, dan jika bersesuaian, tindakan disiplin akan diambil, sehingga kepada dan termasuk penamatan.

Tatakelakuan disediakan dalam talian dan telah diterjemahkan ke dalam empat puluh bahasa. Warga Colgate dikehendaki membaca, memahami dan mematuhi Tatakelakuan. Untuk mengukuhkan lagi komitmen kita, warga Colgate menerima latihan Tatakelakuan dan diperakui setiap tahun.

Menggunakan pertimbangan yang baik dan meminta panduan apabila timbul persoalan ialah cara yang lebih mudah untuk memastikan pematuhan kepada Tatakelakuan ini. Jika anda berasa ragu-ragu dengan tindakan tertentu, bertanyalah kepada diri anda perkara yang berikut:

SOALAN KETIKA MEMBUAT KEPUTUSAN SECARA BERETIKA

SOALAN:

Adakah saya diberi kebenaran untuk melakukan ini?

SOALAN:

Adakah saya menunjukkan contoh?

SOALAN:

Adakah tindakan ini wajar dilakukan?

SOALAN:

Adakah tindakan sah dan selaras dengan nilai, Tatakelakuan kita, Garis Panduan Amalan Perniagaan Syarikat kita dan dasar lain?

SOALAN:

Adakah saya akan berbangga melaporkan tindakan ini kepada seseorang yang saya hormati?

SOALAN:

Adakah tindakan ini mempertingkatkan lagi reputasi Colgate sebagai sebuah Syarikat yang beretika?

SOALAN:

Adakah saya menunjukkan piawai etika tertinggi?

JAWAPAN:

Ya, Teruskan.

Tidak, Sila berunding dengan Organisasi Undang-undang Global atau Etika & Pematuhan Global.

HUBUNGAN KITA DENGAN SATU SAMA LAIN



Kita hendaklah berinteraksi sesama sendiri berasaskan rasa saling mempercayai dan hormat.

KITA BERUSAHA UNTUK MEWUJUDKAN HUBUNGAN KERJA YANG BERJAYA

Di Colgate, kita berbangga dengan komitmen peribadi teguh pekerja kita dan pencapaian cemerlang hasil daripada komitmen tersebut. Namun komitmen pada tahap ini hanya boleh dicapai dalam suasana saling percaya mempercayai, komunikasi yang terbuka dan jujur dan hormat menghormati. Semua urusan anda dengan rakan sejawat, subordinat dan penyelia harus dijalankan sebagai satu perkongsian, yang mana komitmen terhadap kelakuan beretika yang tertinggi mengawal tingkah laku setiap individu.

Hubungan anda dengan orang yang bekerja bersama anda harus menjadi seperti anggota pasukan yang berjaya. Pekerja yang bertugas dengan harmoni dan memberi tumpuan pada objektif yang sama adalah momentum pendorong perniagaan kita. Untuk memastikan agar hubungan pasukan yang dinamik ini berjaya, setiap individu harus memenuhi tanggungjawabnya dan berkeyakinan bahawa orang lain juga akan berbuat yang serupa. Ini bermakna memberi sokongan yang diperlukan kepada orang lain, di setiap peringkat, untuk menyiapkan kerja. Individu atau unit perniagaan tidak sepatutnya mengutamakan prioriti diri sendiri daripada prioriti Syarikat.

Hubungan anda dengan orang yang bekerja dengan anda hendaklah menggalakkan etika dengan menunjukkan contoh yang jujur, adil dan berintegriti. Sebagai ketua, kita semua bertanggungjawab untuk mengekalkan piawai tinggi prestasi dan mewujudkan persekitaran yang menggalakkan kerja berpasukan, hormat dan tingkah laku beretika.

KITA MENGALAKKAN KOMUNIKASI YANG TERBUKA DAN JUJUR

Galakkan fikiran yang kreatif dan inovatif dan jika anda seorang penyelia, layani subordinat sebagai individu, dengan memberi mereka kebebasan yang diperlukan untuk membuat kerja mereka. Beri cadangan untuk meningkatkan prestasi.

Hubungan anda dengan penyelia anda harus berlandaskan sikap saling percaya mempercayai dan hormat menghormati. Anda dan penyelia anda adalah sepasukan dengan satu tujuan iaitu mencapai matlamat yang ditetapkan bagi unit anda oleh Syarikat.

Anda berdua saling bertanggungjawab untuk memastikan komunikasi di antara anda adalah terbuka dan jujur. Sentiasa ambil inisiatif ini. Cari pembaharuan dalam menyelesaikan masalah. Kerjasama dan daya kreatif anda adalah penting untuk mencapai matlamat unit anda dan Syarikat.

KITA MENGHARGAI WARGA COLGATE SEBAGAI SUMBER TERPENTING KITA

Komitmen Colgate untuk prihatin terhadap warga dapat dilihat melalui pelbagai program yang direka untuk menggalakkan dan menghargai pencapaian individu dan pasukan. Anda digalakkan untuk mencapai setinggi-tinggi kemajuan dan membuat sumbangan bermakna terhadap kejayaan Syarikat. Akhirnya, yang membolehkan Syarikat kita mencapai kejayaan ialah usaha para warga Colgate yang berbakat dan mahir di seluruh dunia.

Kakitangan Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada [Dasar Sama Rata Syarikat](#) pada [ourcolgate.com](#).

- Kita mengekalkan persekitaran kerja yang merangkumi semua dan mencapai kecemerlangan dengan menarik perhatian dan mengekalkan warga dari pelbagai latar belakang dalam tenaga kerja kita.

- Kita melarang gangguan seksual atau sebarang gangguan jenis lain terhadap warga Colgate oleh sesiapa sahaja di tempat kerja atau semasa menjalankan perniagaan Syarikat.
- Kita berusaha untuk mengelakkan pilih kasih atau tanggapan pilih kasih di tempat kerja sejajar dengan dasar dan prosedur yang diguna pakai oleh Syarikat.

Kakitangan Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada [Dasar Antigangguan Syarikat](#) di [ourcolgate.com](#).

Colgate menyediakan peluang pekerjaan kepada semua orang yang berkelayakan secara sama rata. Syarikat tidak akan mendiskriminasikan mana-mana pekerja atau pemohon pekerjaan atas sebab:

Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perekrutan, pengambilan bekerja, kenaikan pangkat, perpindahan, pemampasan, latihan, penurunan pangkat atau henti kerja sementara.

- | | |
|---------------------------------|---|
| • Bangsa atau Keetnikan | • Orientasi Seks |
| • Warna Kulit | • Ketidakupayaan |
| • Agama | • Status Perkahwinan |
| • Jantina atau Identiti Jantina | • Status Veteran |
| • Negara Asal | • Sebarang ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang |
| • Umur | |

SOALAN:

Saya rasa penyelia saya melayan sesetengah ahli pasukan kami dengan cara tidak hormat yang tidak selaras dengan prinsip Mengurus dengan Hormat kita, tetapi saya tidak pasti. Bolehkah saya berunding dengan seseorang tentang perkara ini melalui EthicsLine?

JAWAPAN:

Ya, anda boleh. Tetapi ingat, apabila anda khuatir tentang sebarang isu di tempat kerja, anda juga boleh berunding dengan wakil Sumber Manusia di tempat anda atau anggota pasukan kepimpinan anda yang boleh dipercayai. Jika anda suka, Etika & Pematuhan Global juga ada untuk anda mendapatkan panduan atau penjelasan.

SOALAN:

Seorang anggota jabatan saya asyik bercakap mengenai orientasi seksual rakan sekerja lain termasuk menggunakan nama yang menghina. Apabila saya bercakap dengannya tentang hal ini, beliau menjawab yang beliau hanya bergurau dan tingkah laku ini terus berlaku. Adakah saya melakukan perkara yang betul?

JAWAPAN:

Ya. Anda melakukan perkara yang betul dengan Bersuara. Walaupun anda telah berusaha, tingkah laku salah ini masih berterusan. Berbincang dengan penyelia anda, Sumber Manusia, Organisasi Undang-undang Global atau Etika & Pematuhan Global mengenai tingkah laku yang melanggar Tatakelakuan, dasar atau prinsip Memimpin dengan Rasa Hormat kita.

- Kita tidak menggunakan buruh kanak-kanak. Buruh kanak-kanak ditakrifkan sebagai mengambil bekerja mana-mana orang yang lebih muda daripada umur minimum yang dibenarkan oleh undang-undang dalam bidang kuasa berkenaan. Walau bagaimanapun, kita tidak sekali-kali akan mengambil bekerja secara sengaja orang yang lebih muda daripada enam belas (16) tahun.
- Kita berusaha untuk menghapuskan kemungkinan bahaya dan untuk mematuhi semua undang-undang dan piawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berkenaan.
- Kita membantu mengekalkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan produktif bagi semua warga Colgate dan orang lain, dengan:
 - melarang pemilikan, penggunaan, penjualan atau pemindahan dadah haram atau alatan dadah dalam kawasan atau waktu Syarikat;
 - melarang menjalankan perniagaan Syarikat semasa di bawah pengaruh alkohol;
 - melarang pemilikan atau penggunaan senjata/senjata api, bahan letupan atau peluru di kawasan Syarikat atau semasa menjalankan perniagaan Colgate, tertakluk pada undang-undang tempatan. Pemilikan senjata boleh dibenarkan untuk kakitangan keselamatan jika pemilikan ini dipastikan perlu untuk menjaga keselamatan warga Colgate;
 - melarang sebarang tindakan yang boleh dianggap sebagai ganas, memberi ancaman, menjatuhkan maruah atau menakutkan; dan
 - mewajibkan bahawa sebarang penyalahgunaan dadah atau alkohol di tempat kerja, keganasan atau pemilikan senjata haram di kawasan atau pada waktu Syarikat dilaporkan dengan segera kepada Sumber Manusia, Organisasi Undang-undang Global, Etika & Pematuhan Global atau pengurusan.

SOALAN:

Salah seorang rakan sekerja saya adalah seorang yang lebih tua, jadi saya cuba membantu memudahkan kerja beliau dengan membantunya secara proaktif tugas yang saya fikir sukar bagi orang usianya. Saya hanya cuba membantu tetapi baru-baru ini mendengar daripada penyelia kami bahawa dia tersinggung dengan saya. Adakah kelakuan ini salah?

JAWAPAN:

Ya. Anda tidak sepatutnya menganggap semata-mata kerana usianya rakan sekerja anda tidak mempunyai kemahiran dan kebolehan sama seperti yang anda miliki. Melayan seseorang secara berbeza kerana usia mereka tidak boleh diterima di tempat kerja. Bersuara dan terangkan kepadanya bahawa anda ingin membantu atas perasaan keprihatinan dan anda tidak berniat untuk menyinggung perasaannya.

HUBUNGAN KITA DENGAN SYARIKAT



Sebagai warga Colgate, kita menghargai kepercayaan dan keyakinan yang diberikan kepada kita dan bertindak dengan integriti dan kejujuran dalam semua keadaan.

KITA MENGELAKKAN DARIPADA KONFLIK KEPENTINGAN

Pertimbangan adalah antara aset anda yang paling berharga. Anda hendaklah mengelakkan sebarang aktiviti, kepentingan atau kaitan yang konflik dengan kepentingan perniagaan sah Syarikat atau kelihatan menjejaskan keobjektifan anda atau penggunaan kebebasan membuat pertimbangan anda dalam menjalankan perniagaan untuk atau dengan Syarikat. Konflik boleh timbul dalam berbagai-bagai situasi. Untuk merangkumi kesemuanya di sini adalah mustahil, dan untuk membezakan antara aktiviti yang wajar dan tidak wajar juga bukanlah sesuatu yang mudah. Apabila berasa ragu, minta nasihat Sumber Manusia atau Organisasi Undang-undang Global, Etika & Pematuhan Global atau pengurus anda sebelum mengambil sebarang tindakan.

Garis panduan berikut dikenakan kepada beberapa situasi konflik yang paling biasa:

PELABURAN

Jangan buat sebarang pelaburan yang boleh menjejaskan keputusan perniagaan anda. Dasar Syarikat melarang pekerja Colgate daripada memiliki saham atau mempunyai kepentingan proprietari dalam syarikat yang bersaing atau mengurus niaga dengan Colgate. Larangan ini tidak dikenakan pada pemilikan jumlah kecil (biasanya kurang daripada 1%) saham syarikat dagangan awam sekiranya pelaburan tersebut tidak begitu besar daripada segi kewangan sehingga menimbulkan tanggapan konflik kepentingan. Jika anda membuat pelaburan yang mungkin dilarang sebelum bekerja dengan Colgate, sila hubungi Organisasi Undang-undang Global.

KELUARGA

Beritahu pengurus anda dan dapatkan kelulusan daripada ketua Bahagian atau Fungsi dan Organisasi Undang-undang Global sebelum mengurus niaga bagi pihak Colgate dengan mana-mana syarikat yang anda atau ahli keluarga terdekat mempunyai kepentingan.

KERJA LAIN

Jangan kerja dengan pesaing semasa bekerja dengan Colgate atau membuat sebarang kerja untuk, atau memberi bantuan kepada, mana-mana pihak ketiga (pengedar, pelanggan atau pembekal) yang boleh menjejaskan prestasi atau pertimbangan anda dengan teruk semasa bertugas. Jangan gunakan masa, kemudahan, sumber, jenama atau logo Syarikat untuk kerja luar yang tiada berkaitan dengan tugas anda di Colgate tanpa kebenaran ketua Bahagian atau Fungsi anda.

PERIBADI

Kita mengakui dan menghormati hak warga Colgate untuk bergaul secara bebas dengan orang yang mereka temui di tempat kerja, tetapi pertimbangkan sebaik-baiknya untuk memastikan hubungan tersebut tidak menjejaskan prestasi kerja, kebolehan menyelia pekerja lain atau persekitaran kerja.

Sebarang kelakuan di tempat kerja yang timbul daripada hubungan atau persahabatan romantik antara pekerja boleh dianggap tidak wajar jika kelakuan tersebut mewujudkan persekitaran kerja yang tidak menyenangkan bagi orang lain, atau tanggapan layanan istimewa. Sikap pilih kasih atau membuat keputusan perniagaan berdasarkan hubungan romantik atau persahabatan dan bukan atas kepentingan Syarikat adalah dilarang. Individu yang mendapati diri mereka dalam hubungan romantik atau persahabatan hendaklah menggunakan kebijaksanaan, pertimbangan baik dan kepekaan.

Seorang Penyelia tidak sepatutnya menyelia orang lain yang mempunyai hubungan romantik dengannya. Dalam keadaan ini, kedua-dua pekerja mesti melaporkan keadaan tersebut kepada Sumber Manusia dan/atau Etika & Pematuhan Global.

Sentiasa beringat bahawa mungkin ada ahli keluarga terdekat yang bertugas dalam jawatan yang boleh menimbulkan atau kelihatan seperti menimbulkan konflik kepentingan. Jika situasi ini timbul, minta panduan daripada pengurus anda, Sumber Manusia atau Organisasi Undang-undang Global.

LEMBAGA PENGARAH

Dapatkan kebenaran daripada CEO dan Ketua Pegawai Undang-undang sebelum bersetuju menjadi ahli Lembaga Pengarah atau badan seumpamanya untuk perniagaan luar atau agensi kerajaan.

Anda tidak perlu mendapatkan kelulusan untuk berkhidmat dalam Lembaga Pengarah pertubuhan bukan keuntungan kecuali organisasi tersebut mempunyai hubungan perniagaan dengan Syarikat. Dalam keadaan ini, dapatkan kelulusan Bahagian atau ketua Fungsi.

PERTIMBANGAN LAIN

Kita berusaha untuk mengekalkan persekitaran kerja yang positif yang mencerminkan nilai Syarikat dan menggalakkan perhubungan kerja yang kukuh. Walaupun konflik kepentingan sering timbul ekoran daripada urusan kita dengan pihak luaran, konflik atau kemunculan konflik mungkin juga timbul daripada interaksi dari dalam Syarikat. Mereka yang menguruskan orang lain mesti sentiasa memberikan perhatian penuh terutamanya untuk memastikan situasi tidak timbul yang boleh kelihatan seperti pilih kasih atau kemungkinan konflik kepentingan.

Jika anda ada soalan atau mendapati diri anda kemungkinan menghadapi situasi konflik kepentingan, berundinglah dengan pengurus anda. Syarikat akan duduk bersama dengan anda untuk menangani situasi itu dan mengenal pasti penyelesaian yang sesuai.

Kakitangan Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada garis panduan Syarikat berkenaan [Isu Berkaitan Konflik Kepentingan](#) yang boleh didapati di dalam Bab 7 Garis Panduan Amalan Perniagaan Syarikat di ourcolgate.com.

SOALAN:

Seorang ahli keluarga terdekat memiliki syarikat menggali dan menghantar bida untuk menjalankan perniagaan di kilang pembuatan tempat saya bekerja. Saya bekerja di bahagian pengeluaran dan tiada kuasa membuat keputusan. Adakah saya masih perlu memaklumkan ini sebagai kemungkinan konflik kepentingan?

JAWAPAN:

Ya. Walaupun anda mungkin tiada kawalan langsung terhadap keputusan proses pembidaan, hakikat bahawa sepupu anda mempunyai hubungan dengan orang di dalam Syarikat boleh memberikan gambaran konflik kepentingan. Minta nasihat Sumber Manusia, Organisasi Undang-undang Global atau Pengurus anda.

KITA MELINDUNGI RAHSIA PERDAGANGAN DAN MAKLUMAT SULIT SYARIKAT

Rahsia perdagangan, maklumat proprietari lain dan kebanyakan daripada maklumat dalaman Colgate merupakan aset berharga. Rahsia perdagangan ialah maklumat yang digunakan berkaitan dengan perniagaan Colgate yang tidak diketahui atau mudah ditemui umum, dan sensitif terhadap persaingan. Oleh itu, berbagai-bagai langkah telah dibuat untuk mengekalkan kerahsiaannya. Melindungi rahsia perdagangan dan maklumat sulit memainkan peranan penting dalam perkembangan dan keupayaan kita untuk bersaing.

APAKAH BEBERAPA CONTOH RAHSIA PERDAGANGAN ATAU MAKLUMAT SULIT LAIN?

- Apa-apa formula, reka bentuk, peranti atau maklumat yang digunakan dalam perniagaan kita yang memberikan Colgate peluang mendapat kelebihan daripada pesaing kita
- Harta intelek yang belum didedahkan kepada umum
- Kaji selidik perniagaan
- Rancangan produk baharu
- Maklumat kewangan bukan awam atau maklumat harga yang tidak diterbitkan
- Proses pengilangan
- Sebarang jenis bahan pemasaran atau jualan yang tidak diumumkan
- Nasihat undang-undang atau hasil kerja peguam
- Gambar atau video yang tidak mendapat keizinan diambil semasa di dalam kilang pembuatan atau penyelidikan Colgate
- Senarai pekerja, pelanggan atau penjual
- Maklumat mengenai keperluan, pilihan, tabiat dan rancangan perniagaan pelanggan

Walaupun tidak lengkap, senarai ini menunjukkan pelbagai jenis maklumat yang perlu dilindungi. Rahsia perdagangan tidak perlu dipatenkan, tetapi tidak boleh diketahui umum.

Kewajipan anda berkaitan dengan rahsia perdagangan dan maklumat sulit lain Colgate adalah:

JANGAN 

Dedahkan maklumat ini kepada warga Colgate yang lain atau pihak ketiga melainkan atas tujuan "perlu tahu" atau "perlu guna".

JANGAN 

Tugaskan pihak ketiga untuk mengendalikan maklumat ini tanpa semakan kawalan keselamatan teknologi maklumat pihak ketiga yang bersesuaian dan perjanjian kerahsiaan yang patut dengan pihak ketiga tersebut.

JANGAN 

Catat atau bincangkan maklumat ini pada laman web yang tersedia kepada umum atau laman media sosial.

JANGAN 

Gunakan maklumat ini untuk manfaat anda sendiri atau manfaat tanpa kebenaran orang yang bukan pekerja Colgate.

SILA 

Ambil semua langkah wajar lain untuk melindungi rahsia perdagangan dan maklumat sulit Colgate.

Jika anda tidak lagi bekerja dengan Colgate, kewajipan anda untuk melindungi rahsia perdagangan dan maklumat sulit lain Colgate masih berkuat kuasa. Anda hendaklah ingat bahawa surat-menyurat, bahan cetak, maklumat elektronik, sebarang jenis dokumen atau rekod, pengetahuan proses khusus, prosedur, cara pelaksanaan tertentu Colgate – sama ada sulit atau tidak – adalah milik Syarikat dan hendaklah ditinggalkan di Colgate. Anda mesti memulangkan semua harta Syarikat dalam pemilikan, jagaan atau kawalan anda jika anda meninggalkan Syarikat.

Jika anda mempunyai soalan sama ada sesuatu maklumat adalah sulit atau rahsia perdagangan, anda harus hubungi Organisasi Undang-undang Global.

Kakitangan Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada garis panduan Syarikat berkenaan [Melindungi Maklumat Proprietari Syarikat](#) yang boleh didapati dalam Bab 12 Garis Panduan Amalan Perniagaan Syarikat di ourcolgate.com.

SOALAN:

Di dalam lif dalam perjalanan ke tempat kerja saya, saya terdengar dua orang rakan sekerja membincangkan kerja yang dilakukan oleh mereka ke atas produk baharu yang sedang dibangunkan. Saya rasa bimbang kerana kita berkongsi ruang pejabat dengan syarikat lain dan maklumat yang mereka bincangkan kelihatan sulit. Patutkah saya memberi teguran?

JAWAPAN:

Ya. Ia sangat penting bahawa warga Colgate tidak membincangkan maklumat sulit Syarikat di kawasan awam seperti lobi, kafeteria, lif, dan lain-lain tempat yang tidak sesuai untuk mengadakan perbualan sulit. Anda digalakkan supaya “Bersuara” untuk menunjukkan kekhawatiran anda kepada rakan sekerja dan sebagai peringatan.

KITA BERPEGANG KEPADA DASAR PERMINTAAN AKHBAR DAN MEDIA

- Permintaan untuk bercakap bagi pihak Colgate tentang maklumat kewangan atau perniagaan Syarikat daripada media, akhbar, komuniti kewangan atau awam hendaklah dirujuk kepada Naib Presiden, Komunikasi Korporat atau Naib Presiden Hubungan Pelabur.
- Permintaan untuk memberikan maklumat bagi pihak Colgate kepada orang hubungan daripada Suruhanjaya Sekuriti dan Pertukaran, Bursa Saham New York atau pengawal atur dan pihak berkuasa lain di seluruh dunia hendaklah dirujuk kepada Organisasi Undang-undang Global.

Amat penting sekali bahawa pekerja tidak menjawab sendiri pertanyaan atau hubungan sedemikian bagi pihak Syarikat, kerana sebarang jawapan yang tidak wajar atau tidak tepat, sekalipun penyangkalan atau penafian maklumat, boleh menghasilkan publisiti buruk yang sebaliknya boleh memberikan kesan yang serius terhadap Syarikat.

Dasar ini tidak dikenakan kepada permintaan maklumat kewangan yang telah diumumkan, seperti Laporan Tahunan dan Laporan Suku Tahun atau aktiviti promosi seranta Syarikat.

Permintaan temu bual dengan mana-mana pekerja Colgate bagi pihak Syarikat ini atau hal ehwalnya dan/atau pengeluaran sebarang siaran akhbar dan/atau kenyataan Syarikat hendaklah dikaji semula dan diluluskan terlebih dahulu oleh Naib Presiden, Komunikasi Korporat atau Naib Presiden, Hubungan Pelabur. Temu bual yang dimulakan oleh Syarikat juga hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu sebelum boleh dijadualkan dengan pihak media.

Warga Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada garis panduan Syarikat berkenaan [Perdagangan Sekuriti dan Kerahsiaan Maklumat](#) yang boleh didapati dalam Bab 4 Garis Panduan Amalan Perniagaan Syarikat di [ourcolgate.com](#).

KITA MENYIMPAN BUKU DAN REKOD YANG TEPAT

Kedudukan kewangan Syarikat kita dan hasil operasinya hendaklah direkodkan sejajar dengan keperluan undang-undang dan prinsip perakaunan yang diterima umum (GAAP). Dasar Syarikat serta undang-undang mewajibkan Colgate menyimpan buku, rekod dan akaun yang menunjukkan jenis transaksi perniagaan dan pelupusan aset Syarikat secara tepat dan wajar.

Integriti rekod perakaunan dan kewangan Syarikat adalah berlandaskan ketepatan dan kelengkapan maklumat yang diberikan untuk menyokong masukan ke dalam buku dan akaun Syarikat. Semua yang terlibat dalam mewujudkan, memproses dan merekodkan maklumat sedemikian bertanggungjawab terhadap integritinya. Setiap masukan perakaunan atau kewangan hendaklah menunjukkan dengan tepat perkara yang dinyatakan dalam dokumentasi sokongan. Penyembunyian maklumat daripada, atau oleh pengurusan, atau daripada juruaudit dalaman Syarikat atau juruaudit bebas adalah dilarang.

Pembayaran bagi pihak Syarikat tidak sepatutnya diluluskan atau dibuat jika mana-mana bahagian pembayaran tersebut akan digunakan untuk sebarang tujuan lain kecuali yang dinyatakan dalam dokumen yang menyokong pembayaran tersebut. Jangan buat masukan palsu atau mengelirukan ke dalam mana-mana buku atau rekod kewangan Syarikat atas sebarang sebab. Dana, aset atau akaun Syarikat tidak boleh ditubuhkan, diperoleh atau dikekalkan untuk sebarang tujuan kecuali dinyatakan dengan betul di dalam buku dan rekod Syarikat. Dana atau aset korporat tidak boleh digunakan untuk sebarang tujuan yang tidak sah atau tidak wajar.

Pengurus dan orang lain yang bertanggungjawab dalam penyediaan maklumat kewangan hendaklah memastikan bahawa dasar kewangan korporat Colgate diikuti. Hasil dan perbelanjaan hendaklah diambil kira kena pada masanya.

Aset dan liabiliti hendaklah direkodkan dengan betul dan dinilai secara wajar. Selain itu, mereka yang bertanggungjawab atau terlibat dalam penyediaan pemfailan Colgate dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa dan pemfailan lain yang dikehendaki oleh undang-undang yang berkenaan atau komunikasi lain dengan komuniti perniagaan atau kewangan hendaklah memastikan pendedahan dalam pemfailan dan komunikasi tersebut hendaklah lengkap, wajar, tepat, kena pada masa dan boleh difahami ketika dibuat. Jika anda mengetahui tentang kemungkinan peninggalan, pemalsuan atau ketidaktepatan dalam perakaunan atau masukan kewangan, atau dalam laporan Suruhanjaya Sekuriti dan Pertukaran Colgate atau komunikasi lain, atau sebarang kegagalan dalam kawalan dalaman, anda harus segera melaporkan maklumat sedemikian kepada pengurus atau Organisasi Undang-undang Global. Anda juga boleh menghubungi Jabatan Etika & Pemuatan Global Syarikat berkenaan hal ini.

Kakitangan Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada garis panduan Syarikat berkenaan [Dokumen Syarikat](#) yang boleh didapati dalam Bab 5 Garis Panduan Amalan Perniagaan Syarikat di [ourcolgate.com](#).

KITA MELINDUNGI ASET COLGATE

Aset, kemudahan atau perkhidmatan Syarikat hendaklah digunakan untuk tujuan yang sah, wajar dan dibenarkan sahaja. Pencurian wang, harta atau perkhidmatan adalah dilarang. Penggunaan peralatan, sistem, kemudahan, kad kredit korporat dan bekalan Colgate hendaklah ada kena mengena dengan pekerjaan anda di Colgate sahaja atau untuk tujuan yang diluluskan oleh pengurusan. Anda bukan sahaja bertanggungjawab secara peribadi untuk melindungi harta yang diamanahkan kepada anda oleh Syarikat, malah untuk membantu melindungi aset Syarikat secara am. Anda harus berwaspada terhadap sebarang situasi atau kejadian yang boleh membawa kepada kehilangan, salah guna atau kecurian harta Syarikat dan anda harus melaporkan semua situasi tersebut kepada pengurus anda atau Keselamatan Global sebaik sahaja anda mengetahuinya.

SOALAN:

Apakah yang harus saya lakukan jika saya diminta untuk melambatkan mengakru perbelanjaan tertentu sehingga tempoh yang berikutnya? Sebagai contoh, jika seseorang menerangkan kepada saya bahawa "asalkan kita merekodkannya pada tahun fiskal ini, kita tidak melakukan perkara yang salah," adakah ia benar?

JAWAPAN:

Tidak. Melambatkan pengakruan perbelanjaan secara sengaja, tanpa mengira amaun, merupakan suatu amalan yang mengelirukan, tidak boleh diterima dan mungkin menyalahi undang-undang. Setiap transaksi perniagaan dan kewangan, walau pun tidak penting, mesti dilaporkan dengan tepat dan secara jujur. Pemalsuan sebarang dokumen atau rekod Syarikat adalah kesalahan yang serius dan boleh membawa kepada penamatan pekerjaan.

Hanya pegawai dan pekerja kanan tertentu lain Syarikat mempunyai kuasa untuk membuat komitmen yang melibatkan aset Syarikat. Anda tidak sepatutnya membuat komitmen yang melibatkan aset Syarikat kecuali telah diberi kebenaran sewajarnya. Jika anda ada pertanyaan atau memerlukan penjelasan, anda hendaklah menghubungi pengarah kewangan Bahagian atau tempatan anda.

KITA MENGGUNAKAN SUMBER TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN MEDIA SOSIAL SECARA BERTANGGUNGJAWAB

Sumber Teknologi Maklumat (IT) dan Media Sosial Colgate hendaklah digunakan secara bertanggungjawab dan konsisten dengan Tatakelakuan dan semua dasar dan prosedur Syarikat yang lain.

Sumber IT Colgate termasuk semua peralatan, perisian dan perkhidmatan semasa dan masa depan yang mengumpulkan, menyimpan, mengkomunikasikan dan memproses data yang dimiliki, dipajak atau disediakan oleh Colgate.

Sumber IT Colgate, hendaklah digunakan dengan cara yang penuh hormat dan profesional untuk tujuan perniagaan Colgate sahaja kecuali untuk tujuan peribadi yang terhad dan bersesuaian.

Di samping itu, penggunaan berikut adalah dilarang:

- Mesej yang mengganggu, mendiskriminasikan, memfitnah, menipu atau mengugut, termasuk yang menyentuh secara menyakitkan hati soal bangsa, agama, negara asal, keetnikan, warna kulit, seks, identiti jantina, umur, kewarganegaraan, status veteran, status perkahwinan, ketidakupayaan atau sebarang ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang.
- Pengedaran tanpa kebenaran maklumat sulit atau rahsia perdagangan Colgate atau perbincangan perniagaan atau proses dalaman Syarikat yang sulit di mana-mana laman luaran.
- Menyebabkan atau membenarkan pelanggaran keselamatan atau gangguan rangkaian komunikasi, dan/atau mendedahkan secara tidak wajar ID pengguna atau kata laluan anda kepada orang lain atau membenarkan orang lain menggunakan ID pengguna atau kata laluan anda.
- Sebarang penggunaan lain yang dilarang oleh Garis Panduan Amalan Perniagaan atau Garis Panduan Syarikat mengenai Menggunakan Sumber Teknologi Maklumat dan Media Sosial.

Melainkan seperti yang dihadkan oleh undang-undang yang berkenaan, Colgate berhak untuk memantau akses dan mengkaji semula semua Sumber IT Syarikat dalam keadaan yang bersesuaian mengikut budi bicara Syarikat dan mengikut undang-undang yang berkenaan. Hak Syarikat untuk memantau, mengakses dan mengkaji semula semua Sumber IT Syarikat dilanjutkan kepada perniagaan dan juga maklumat peribadi yang diwujudkan, disimpan atau dihantarkan dengan menggunakan Sumber IT Syarikat, dan juga termasuk laman media sosial yang dilawati melalui Sumber IT Syarikat. Pekerja tidak boleh mengharapkan privasi ke atas maklumat perniagaan atau peribadi tersebut.

Colgate berhak untuk mengehadkan atau menamatkan sebarang akses pengguna kepada atau penggunaan Sumber Teknologi Maklumat Colgate pada bila-bila masa, untuk sebarang sebab, dengan atau tanpa notis terdahulu, melainkan di mana ia dilarang oleh undang-undang.

Kakitangan Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada garis panduan Syarikat berkenaan [Menggunakan Sumber Teknologi Maklumat dan Media Sosial](#) yang boleh didapati dalam Bab 13 Garis Panduan Amalan Perniagaan Syarikat di ourcolgate.com.

HUBUNGAN KITA DENGAN LEMBAGA PENGARAH KITA



Kita bertuah kerana mempunyai kumpulan individu yang ulung berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Syarikat, memberi nasihat, panduan, dan kepimpinan yang penting kepada kejayaan berterusan kita. Dengan pengalaman bersama mereka dalam perniagaan, pendidikan dan perkhidmatan awam, pengalaman antarabangsa, pencapaian akademik, perwatakan moral dan etika dan kepelbagaian, Lembaga Pengarah kita memberikan pengawasan yang berkesan kepada perniagaan Syarikat ini.

KITA MEMPUNYAI LEMBAGA PENGARAH YANG BEBAS, BERPENGALAMAN DAN BERBEZA LATAR BELAKANG

Kebebasan menggalakkan integriti dan kebertanggungjawaban. Dasar Colgate adalah untuk mempunyai Lembaga Pengarah yang terdiri terutamanya daripada pengarah bebas luar. Semua pengarah yang menjadi ahli jawatankuasa Lembaga Pengarah yang mengendalikan hal-hal audit, pampasan dan tadbir urus adalah bebas. Tidak ada pengarah yang saling berkait, dan menjadi dasar Syarikat bahawa semua pengarah bebas tidak menerima sebarang bayaran perunding, guaman atau apa-apa yuran bukan pengarah lain dari Syarikat.

KITA MENGALAKKAN KOMUNIKASI YANG TERBUKA DAN JUJUR DENGAN LEMBAGA PENGARAH

Baik di dalam atau di luar bilik lembaga, pengarah Colgate sering berhubung terus dengan pengurusan Syarikat. Pengurus kanan penting sentiasa menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah, dan bersama-sama mereka secara aktif mengikut serta dalam perbincangan secara terus terang pelbagai masalah perniagaan. Antara mesyuarat lembaga yang dijadualkan, pengarah digalakkan untuk menghubungi pengurus kanan dengan soalan dan cadangan, dan mereka sering berbuat demikian. Suasana terbuka dan terus terang yang terhasil ini mencerminkan budaya korporat keseluruhan Colgate dan membantu Lembaga Pengarah memainkan peranan aktif dalam perkembangan dan arahan strategi perniagaan Syarikat.

KITA KOMITED TERHADAP TADBIR URUS KORPORAT YANG CEMERLANG

Lembaga Pengarah Colgate telah mendahului sokongan terhadap inisiatif tadbir urus korporat. Satu daripada syarikat yang pertama antara syarikat setaranya yang menerima pakai secara rasmi tatakelakuan yang mengawal semua urusan perniagaan dan menubuhkan piagam bagi Lembaga Pengarah dan jawatan kuasanya, Colgate telah mengamalkan tadbir urus korporat yang cemerlang yang sentiasa diperbaiki dan diperhalusi sepanjang dua abad yang lepas. Lembaga Pengarah Colgate mengendalikan dasar ini dan benar-benar percaya bahawa tadbir urus korporat yang baik mengiringi dan membantu kejayaan perniagaan jangka panjang kita.

Warga Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada "[Garis Panduan Lembaga Pengarah tentang Isu Penting Tadbir Urus Korporat](https://colgatepalmolive.com)," yang boleh didapati di colgatepalmolive.com.

HUBUNGAN KITA DENGAN ENTITI PERNIAGAAN LUAR



Kita semua bertanggungjawab ke atas tanggapan pembekal, pelanggan dan pihak ketiga lain terhadap kita. Menjaga reputasi Syarikat sebagai jujur dan adil dalam urusan niaga dengan kumpulan ini adalah penting.

KITA MELAYANI PEMBEKAL, PELANGGAN DAN PIHAK KETIGA LAIN SECARA BERETIKA

Berurus niaga dengan pembekal, pelanggan dan pihak ketiga lain dengan jujur adalah penting kepada hubungan yang kukuh dan berpanjangan. Kita memberikan pertimbangan yang adil dan saksama kepada semua pihak ketiga yang berpotensi. Keputusan memilih penjual adalah berasaskan pada kriteria objektif seperti harga dan mutu serta kebolehpercayaan dan integriti.

Selain itu, kita tidak memberi apa-apa kelebihan kepada pihak ketiga dari segi harga, elaun promosi, bantuan pemasaran atau sebagainya. Berurusan dengan pembekal, pelanggan dan pihak ketiga lain dibincangkan dengan lebih lanjut di bahagian Tatakelakuan menangani Hubungan Kita dengan Kerajaan dan Undang-undang.

[Tatakelakuan Pihak Ketiga](#) Colgate tersedia dalam beberapa bahasa di laman web Syarikat.

KITA TIDAK MEMBERI ATAU MENERIMA HADIAH YANG TIDAK WAJAR

Menawarkan, memberi atau menerima hadiah, bayaran atau faedah lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada rasuah atau sogokan) untuk mempengaruhi atau memberi tanggapan hendak mempengaruhi sebarang keputusan perniagaan adalah tidak dibenarkan. Jika anda bermaksud untuk memberi, telah memberi, telah ditawarkan atau telah menerima hadiah, bayaran atau faedah lain yang lebih tinggi daripada nilai nominal (kira-kira \$50 AS) atau jika anda percaya hadiah, bayaran atau faedah lain sebegini telah ditawarkan atau diberikan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan, anda hendaklah menghubungi Organisasi Undang-undang Global, atau Etika dan Pematuhan Global. Hendaklah ingat juga bahawa anda hanya boleh menerima hadiah bernilai nominal daripada satu sumber sekali setahun kalendar sahaja. Jika tidak menerima hadiah yang mungkin melebihi nilai nominal boleh memalukan Syarikat, penerimaan hadiah tersebut hendaklah dilaporkan kepada Organisasi Undang-undang Global. Selain itu, jangan terima atau rancang untuk menerima hadiah, bayaran atau faedah lain yang lebih daripada nilai nominal bagi pihak ahli keluarga terdekat atau daripada sesiapa yang Syarikat mempunyai hubungan perniagaan atau yang mahu mewujudkan hubungan perniagaan pada masa depan.

Patuhi peraturan ini: jangan sekali-kali memberi atau menerima hadiah atau perkhidmatan jika ia akan menjejaskan anda atau memberi tanggapan yang menjejaskan anda. Ini tidak termasuk keraian perniagaan atau hadiah yang munasabah dan sekali-sekala, yang nilainya nominal.

Anda hendaklah menyedari bahawa terdapat peraturan tertentu yang mengawal kelakuan wajar semasa berurusan dengan pegawai kerajaan persekutuan, negeri, tempatan atau asing yang berbeza daripada peraturan semasa berurusan dengan entiti bukan kerajaan. Secara umumnya, anda tidak boleh menawarkan atau memberi kepada kakitangan kerajaan atau kerajaan sebarang hadiah, ganjaran atau barang berharga, termasuk belanja makan atau perjalanan, kecuali telah dibenarkan terlebih dahulu oleh Organisasi Undang-undang Global.

Kakitangan Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan mengenai hadiah kepada pegawai kerajaan atau kerajaan, dengan merujuk kepada Dasar Global mengenai Perbelanjaan Berkaitan dengan Pegawai Kerajaan dan Kerajaan dan Borang Kelulusan yang berkaitan.

Pembekal dan penjual Colgate hendaklah sentiasa dimaklumkan mengenai keperluan untuk mematuhi Tatakelakuan Pihak Ketiga semasa berurusan dengan kita atau berdepan dengan kemungkinan kehilangan perniagaan kita kerana gagal melakukannya. Selain daripada itu, kita hendaklah menghormati dan mematuhi dasar pelanggan atau pembekal setakat yang ia tidak bertentangan dengan dasar kita sendiri.

SOALAN:

Seorang pelanggan menjemput saya ke kejohanan golf profesional. Saya memberitahu penyelia saya tentang jemputan ini dan beliau meluluskan penyertaan saya asalkan perniagaan dibincangkan. Semasa kejohanan, cabutan diadakan dan saya memenangi satu set kayu golf yang harganya jauh lebih tinggi daripada nilai nominal. Adakah menerimanya bermakna saya melanggar Tatakelakuan?

JAWAPAN:

Ya. Apa-apa hadiah yang diterima dalam pertandingan, cabutan atau undi dianggap sebagai hadiah. Jika nilai hadiah melebihi nilai nominal yang ditetapkan oleh dasar hadiah kita, menerimanya akan dianggap melanggar Tatakelakuan. EthicsLine juga boleh memberikan panduan atau nasihat tambahan jika anda ada soalan.

KITA MENGHORMATI RAHSIA PERDAGANGAN DAN MAKLUMAT SULIT ORANG LAIN

Menjadi dasar Colgate untuk tidak dengan sengaja melanggar hak harta intelektual orang lain yang sah dan boleh dikuatkuasakan. Menjadi dasar Colgate untuk menghormati rahsia perdagangan atau maklumat proprietari orang lain. Ini penting terutamanya jika anda mula bekerja dengan Colgate dan mempunyai pengetahuan rahsia perdagangan atau maklumat proprietari bekas majikan anda. Jika sebarang kemusykilan berbangkit daripada hal ini, anda hendaklah berunding dengan Organisasi Undang-undang Global.

Jika sesiapa yang bukan pekerja Syarikat mengajukan kepada anda rekaan, penemuan atau idea, adalah penting melindungi Syarikat daripada kemungkinan pelanggaran atau tuntutan wang. Jangan benarkan orang luar mendedahkan sebarang perincian tentang rekaan, penemuan atau idea baharu mereka kepada anda tanpa merujuk terlebih dulu kepada Organisasi Undang-undang Global. Rujukkan semua pihak yang cuba menghampiri anda dengan idea tanpa diminta ke Jabatan Ehwat Pengguna di lokasi anda untuk ditangani sejajar dengan prosedur Syarikat.

Warga Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada garis panduan Syarikat berkenaan "[Pemuliharaan Maklumat Proprietari Syarikat dan Menghormati Maklumat Proprietari Orang Lain](#)" yang boleh didapati dalam Bab 12 Garis Panduan Amalan Perniagaan Syarikat di ourcolgate.com.

HUBUNGAN KITA DENGAN PENGGUNA



Reputasi Syarikat kita telah dibina berasaskan mutu dan keselamatan produk kita. Komitmen kita kepada mutu dan keselamatan adalah penting kepada perkembangan dan kejayaan berterusan Syarikat.

KITA MELETAKKAN PIAWAI TERTINGGI BAGI PRODUK KITA

Kita komited untuk memastikan pengguna boleh mempercayai produk Colgate sebagai boleh diharap, bermutu dan berprestasi tinggi. Selain daripada melayan berbilion orang dalam pasaran di mana kita menjalankan perniagaan, kita hendaklah berusaha untuk mengeluarkan produk dengan cara yang paling cekap supaya ia mampu guna oleh bilangan pengguna yang paling banyak.

Produk yang dijual oleh Colgate bukan sahaja harus memenuhi piawai yang ditetapkan oleh undang-undang, tetapi juga piawai Syarikat kita yang sering kali lebih ketat. Kita menyertai program yang memberi pengguna bantuan segera jika terjadi pengubahan, penyalahgunaan atau pemalsuan produk. Kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pengguna adalah amat penting kepada kita dan sebagai pekerja Colgate, menjadi tanggungjawab anda untuk melaporkan segera kepada ketua unit perniagaan anda mengenai sebarang isu yang anda hadapi berkaitan dengan mutu atau keselamatan produk.

Untuk maklumat tambahan mengenai keselamatan bahan kita, sila lihat dasar kita berkenaan [Keselamatan Bahan](#) yang boleh didapati di colgatepalmolive.com.

KITA RESPONSIF TERHADAP PELANGGAN

Oleh sebab perniagaan kita ialah produk pengguna, kejayaan kita bergantung pada kepuasan, kepercayaan dan perasaan mesra pengguna. Kita boleh mencapai objektif kita dan melayan keperluan pengguna dengan sebaik-baiknya dengan mengikuti program komunikasi pengguna yang konsisten, adil dan sensitif.

Kita mengakui kepentingan menjangka dan menjawab keperluan dan pilihan pengguna. Kita juga percaya bahawa pendapat, kekhuatiran dan pertanyaan pengguna tentang produk yang dikomunikasikan kepada Syarikat ialah sumber maklumat yang penting. Keperluan pengguna sentiasa berubah-ubah, oleh itu kita harus sentiasa dengar apa yang mereka mahukan untuk menangani keperluan yang berubah-ubah ini.

Apabila pengguna menyatakan perasaan tidak puas hati, pasukan Hal Ehwal Pengguna kita akan menangani masalah itu dengan segera, sopan dan adil dan berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan atau mendapat balik kepercayaan pengguna.

PENGIKLANAN KITA JUJUR DAN TEPAT

Satu daripada aspek terpenting perniagaan kita ialah pengiklanan. Pengiklanan hendaklah kreatif dan berdaya saing, tetapi pada masa yang sama ia perlu jujur, tepat dan mematuhi undang-undang yang berkenaan. Pengiklanan kita juga hendaklah mengelakkan daripada sebarang pengsteretotaipan individu berasaskan beberapa faktor seperti:

- Bangsa
- Agama
- Negara Asal
- Keturunan
- Jantina atau Identiti Jantina
- Umur
- Orientasi Seks
- Status Veteran
- Status Perkahwinan
- Ketidakupayaan
- Sebarang ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang

SOALAN:

Rakan sekerja saya ialah Operator Barisan yang bertanggungjawab memeriksa berat setiap jam untuk memastikan kuantiti produk yang betul disediakan. Saya percaya dia tidak menjalankan ujian tersebut dan hanya memalsukan dokumen. Perlukah saya memberitahu penyelia saya?

JAWAPAN:

Ya. Reputasi Syarikat kita telah dibina berdasarkan mutu dan keselamatan produk kita. Jika anda rasa sesuatu tindakan diambil yang boleh mencemarkan reputasi Syarikat kita atau memberi kesan kepada pelanggan atau pengguna, anda perlu memaklumkan kepada pihak pengurusan anda dan EthicsLine dengan segera.

Pengiklanan menghasilkan lebih daripada imej produk. Pengiklanan membina reputasi kita sebagai boleh dipercayai, boleh diharap dan amanah.

Selain itu, kita berhati-hati memilih media yang memaparkan mesej iklan kita. Kita tidak membenarkan iklan kita keluar dalam rancangan televisyen atau media lain yang menggunakan keganasan atau seks secara tidak menentu atau berlebihan atau yang berunsurkan antisosial atau menjejaskan reputasi atau produk Syarikat kita.

Kita mematuhi piawai kesaksamaan perdagangan dalam mereka, mengguna dan memilih pengiklanan, tanda dagangan dan reka bentuk supaya produk kita berjaya atas dasar kekuatan mutu dan reputasi produk itu sendiri, bukan secara meniru atau mengambil kesempatan atas nama baik pesaing. Kesaksamaan perdagangan menghendaki:

- Pematuhan yang ketat terhadap keperluan undang-undang tempatan berkaitan dengan pelanggaran tanda dagangan dan persaingan tak saksama.
- Mengelakkan daripada meniru tanda dagangan, slogan, tema pengiklanan dan grafik yang terkenal yang digunakan oleh syarikat multinasional dan pesaing serantau.

Kakitangan Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada garis panduan Syarikat berkenaan [Pengiklanan](#) yang boleh didapati dalam Bab 14 Garis Panduan Amalan Perniagaan Syarikat di ourcolgate.com.

HUBUNGAN KITA DENGAN KERAJAAN DAN UNDANG-UNDANG

Kita mematuhi semua undang-undang yang berkenaan dengan Colgate. Malah, memang sudah menjadi dasar kita untuk mematuhi undang-undang baik yang tersurat mahupun yang tersirat. Jadikan kebiasaan untuk berunding dengan Organisasi Undang-undang Global jika anda mempunyai keraguan.

KITA MEMATUHI SEMUA UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI

Warga Colgate hendaklah menjalankan aktiviti Syarikat secara yang mematuhi sepenuhnya undang-undang negara di mana mereka beroperasi; serta undang-undang terpakai Amerika Syarikat seperti yang digariskan di dalam Garis Panduan Amalan Perniagaan, dasar-dasar dan prosedur Syarikat. Secara dasarnya, kita sebagai Syarikat menegakkan piawaian yang tertinggi. Jika anda yakin terdapat konflik antara undang-undang tempatan dan undang-undang AS atau dasar Syarikat yang berkaitan, sila berunding dengan Organisasi Undang-undang Global.

KITA MEMATUHI UNDANG-UNDANG PERSAINGAN

Colgate dan pekerjaanya di seluruh dunia hendaklah mematuhi sepenuhnya undang-undang persaingan (dikenali sebagai undang-undang antitrust di AS) yang dikenakan di setiap negara, negeri dan tempat kita menjalankan perniagaan. Tujuan undang-undang ini ialah untuk melindungi pengguna atau syarikat lain dengan memastikan semua syarikat bersaing secara adil melalui tawaran harga yang lebih rendah, produk yang lebih inovatif dan perkhidmatan yang lebih baik dan syarikat tidak mengganggu kuasa pasaran iaitu penawaran dan permintaan. Boleh dikatakan hampir semua negara telah menubuhkan undang-undang persaingan. Kita bertanggungjawab untuk memahami undang-undang persaingan yang berkenaan di tempat kita berurus niaga dan untuk mendapatkan panduan apabila perlu daripada Organisasi Undang-undang Global.

Undang-undang persaingan di seluruh dunia melarang mana-mana perjanjian dalam kalangan pesaing yang boleh merosakkan persaingan. Kunci pematuhan ialah kebebasan. Colgate mesti bertindak secara bebas dalam pelbagai aktiviti perniagaannya:

- Menetapkan harga
- Diskaun atau promosi
- Terma pembelian & jualan
- Pemilihan pelanggan, pengedar atau pembekal
- Pilihan produk mana hendak dihasilkan dan berapa banyak perlu dijual

la penting untuk ingat bahawa perjanjian haram tidak semestinya dalam bentuk dokumen rasmi atau bertulis. Ia boleh jadi persetujuan lisan atau yang diandaikan daripada kelakuan semasa menjalankan perniagaan atau perbualan kasual. Persetujuan juga tidak semestinya berjaya dilaksanakan untuk menjadi haram.

Kebebasan syarikat mungkin terjejas, dan perjanjian haram mungkin diandaikan, apabila pesaing berkongsi atau menerima maklumat sulit atau bukan umum tentang rancangan perniagaan semasa atau masa hadapan (contohnya, kenaikan harga dirancang, kos yang dikenakan caj oleh pembekal, pelancaran produk baharu, dll.) Ini adalah penting untuk beringat-ingat terutamanya ketika kaji selidik dan mesyuarat persatuan perdagangan. Umumnya, anda hendaklah mendapatkan kelulusan dari Organisasi Undang-undang Global sebelum menyertai mana-mana mesyuarat yang dihadiri pesaing. Anda tidak sekali-kali dibenarkan berkongsi maklumat sulit Syarikat dengan pesaing. Jika anda menerima maklumat mengenai pesaing yang anda percaya sulit, anda mesti memberitahu Organisasi Undang-undang Global dengan segera. Anda tidak boleh menggunakan atau berkongsi maklumat ini tanpa mendapat kelulusan Undang-undang terlebih dahulu.

Undang-undang persaingan juga melindungi syarikat daripada tindakan pemangsa atau tidak saksama oleh syarikat dominan agar medan persaingan adalah terbuka dan saksama kepada semua. Tindakan-tindakan yang sah dari segi undang-undang jika diambil oleh syarikat bukan dominan boleh menjadi haram jika diambil oleh syarikat dominan. Di negara yang Colgate mempunyai bahagian pasaran yang sangat kuat, anda perlu menyemak dengan wakil undang-undang tempatan anda untuk memastikan bahawa tindakan tertentu yang dipertimbangkan (misalnya, dasar diskaun tertentu atau keengganan menjual) tidak akan dianggap sebagai penyalahgunaan kedudukan dominan.

Undang-undang persaingan juga mengenakan batasan tertentu terhadap hubungan antara pembekal dan pelanggan dan pengedar mereka. Di kebanyakan negara, sebarang percubaan untuk menyekat kebebasan pelanggan atau pengedar daripada menentukan harga, terma dan syarat jualan, atau untuk mengehadkan hak mereka untuk beroperasi secara bebas adalah menyalahi undang-undang persaingan. Ia penting untuk menekankan kepada pelanggan bahawa "Harga Jualan (atau Jualan semula) Runcit Dicapai" hanyalah itu - disyorkan. Pelanggan bebas untuk menjual pada harga yang mereka pilih.

Hukuman melanggar undang-undang persaingan adalah sangat serius dan boleh membawa kepada denda yang besar bagi Syarikat dan hukuman (termasuk penjara) bagi mana-mana individu yang terlibat. Walaupun hanya siasatan dibuat berkenaan tingkah laku antipersaingan, ini boleh menyebabkan kerosakan reputasi dan gangguan perniagaan yang ketara.

Jika anda ada keraguan tentang sama ada tindakan yang akan diambil boleh menimbulkan masalah di bawah undang-undang persaingan, anda hendaklah berunding dengan Organisasi Undang-undang Global.

Warga Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada garis panduan Syarikat berkenaan [Persaingan Antarabangsa](#), yang boleh didapati dalam Bab 6 Garis Panduan Amalan Perniagaan Syarikat di [ourcolgate.com](#).

SOALAN:

Seorang hubungan perniagaan memberitahu saya mengenai mesyuarat yang diadakan oleh satu daripada pesaing langsung kita semasa konvensyen pergigian. Saya ingin menghadiri mesyuarat mereka, tapi saya takut mereka tidak akan membenarkan saya menghadirinya jika mereka tahu saya dari syarikat pesaing. Bolehkah saya menghadiri asalkan saya merahsiakan identiti saya?

JAWAPAN:

Tidak. Tidak wajar sama sekali menyembunyikan identiti anda untuk memperoleh maklumat mengenai pesaing. Anda hendaklah juga mendapatkan nasihat dari Organisasi Undang-undang Global sebelum menghadiri sebarang mesyuarat dengan pesaing, kerana mesyuarat tersebut boleh menimbulkan perkara yang berkaitan dengan antitrust.

KITA MEMATUHI UNDANG-UNDANG SEKURITI

Ada kalanya anda mungkin dapat mengakses maklumat tentang Colgate atau syarikat dagangan awam lain yang berurus niaga atau sedang berunding dengan Colgate yang tidak diketahui umum ("maklumat bukan awam")—seperti keputusan kewangan atau pengoperasian, kemungkinan penggabungan atau pengambilalihan, penyahlaburan atau pembiayaan, rancangan pemasaran atau pengenalan produk baharu.

Maklumat dianggap bukan awam sehingga telah diumumkan dengan secukupnya kepada awam - yakni, sehingga maklumat tersebut diumumkan dan masa secukupnya telah berlalu untuk pasaran sekuriti bertindak balas terhadap maklumat tersebut. Jika maklumat bukan awam ini adalah "penting" – yakni, maklumat yang dipertimbangkan oleh pelabur berhemat apabila membuat keputusan pelaburan – maka anda hendaklah mematuhi undang-undang sekuriti dan dasar Syarikat berikut:

- Anda tidak boleh berdagang untuk akaun sendiri atau untuk akaun orang lain dalam saham, bon atau sekuriti lain firma (Colgate atau syarikat lain) yang ada kaitan dengan maklumat bukan awam bahan tersebut;
- Anda tidak harus menggalakkan atau mendorong orang lain, berasaskan maklumat bukan awam yang sedemikian, untuk berniaga saham, bon atau sekuriti lain firma tersebut;
- Anda tidak dibenarkan mendedahkan maklumat bukan awam yang sedemikian kepada orang yang bukan pekerja Colgate; dan
- Anda tidak boleh membincangkan maklumat bukan awam tersebut dengan kakitangan Colgate melainkan mereka perlu mengetahui maklumat tersebut.

Dalam erti kata lain, anda tidak boleh menggunakan apa-apa maklumat bukan awam yang anda ketahui melalui pekerjaan anda dengan Colgate untuk menguntungkan diri sendiri atau orang lain dalam apa-apa urus niaga sekuriti atau pelaburan.

Jika anda mengetahui apa-apa maklumat bukan awam melalui kerja anda di Colgate, anda hendaklah berhati-hati menjaga kesulitan maklumat ini, dan anda tidak boleh menjalankan apa-apa perdagangan (atau menasihati orang lain untuk menjalankan apa-apa perdagangan) dalam sekuriti Colgate atau mana-mana syarikat lain yang terlibat sehingga tempoh masa yang munasabah telah berlalu selepas maklumat tersebut diumumkan kepada orang ramai. Larangan ini juga meliputi pelaksanaan opsyen saham dan keputusan untuk melabur dalam atau menjual saham Colgate dalam rancangan manfaat Syarikat.

Kewajipan anda untuk melindungi kerahsiaan maklumat bukan awam akan berterusan sehingga maklumat tersebut diumumkan kepada awam dengan secukupnya.

Jika anda mempunyai soalan tentang sama ada maklumat bukan awam yang sedemikian telah diumumkan dengan secukupnya, anda hendaklah menghubungi Organisasi Undang-undang Global dan hendaklah menahan diri daripada berdagang dalam sekuriti yang terlibat atau mendedahkan maklumat tersebut sehingga anda telah menerima kelulusan dari jabatan Undang-undang.

SOALAN:

Saya sedar bahawa saya tidak boleh membeli atau menjual saham Syarikat berdasarkan maklumat orang dalam, tetapi bolehkah saya menasihatkan ahli keluarga atau rakan melakukannya?

JAWAPAN:

Tidak. Anda akan melanggar undang-undang perdagangan orang dalam sama seperti anda membeli saham tersebut untuk diri anda sendiri. Selain daripada itu, orang yang anda nasihatkan untuk membelinya melanggar undang-undang jika mereka tahu syor anda berdasarkan maklumat orang dalam.

KITA MEMATUHI UNDANG-UNDANG ANTIPENYOGOKAN

Komitmen Colgate terhadap berurusan dengan kerajaan secara sah dan beretika dikenakan di seluruh dunia. Dasar syarikat dan juga Akta Amalan Rasuah Asing A.S. ("FCPA") dan undang-undang antipenyogokan yang serupa di seluruh dunia melarang warga kita atau sesiapa yang bertindak bagi pihak kita berkaitan dengan perniagaan kita daripada memberikan atau menawarkan sesuatu yang berharga secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana pegawai kerajaan untuk mendapatkan apa-apa perniagaan atau mempengaruhi apa-apa tindakan atau keputusan kerajaan.

Dasar syarikat dan undang-undang tertentu juga melarang mana-mana bayaran pemudahan atau "gris" dibuat kepada pegawai kerajaan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, untuk mempercepatkan mana-mana perkhidmatan atau fungsi rasmi (contohnya, pembayaran kecil yang dibuat kepada pegawai untuk menggerakkan permohonan Colgate ke hadapan barisan atau memendekkan tempoh yang mana perkhidmatan atau tindakan lain yang diberikan). Sebarang bayaran rasmi yang disokong dengan resit yang dikeluarkan oleh kerajaan tidak dikira sebagai bayaran tidak wajar.

Untuk memastikan anda tidak melanggar piawai ini, secara langsung atau melalui pihak ketiga, adalah menjadi dasar Syarikat bahawa kecuali yuran yang wajib dari segi undang-undang yang disokong oleh resit rasmi (misalnya, yuran permit atau lesen), sebarang bayaran, keraian, perjalanan, hadiah atau perkara berharga berkaitan dengan aktiviti perniagaan Syarikat tidak boleh diberi atau ditawarkan kepada pegawai asing, tidak kira nilainya, kecuali diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Organisasi Undang-undang Global.

Kakitangan Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada Dasar Global mengenai Perbelanjaan Berkaitan dengan Pegawai Kerajaan dan Kerajaan dan Borang Kelulusan yang berkaitan.

Ia penting untuk difahami bahawa istilah "pegawai kerajaan" ditakrifkan secara meluas dan termasuk individu yang berkhidmat dengan mana-mana institusi atau organisasi awam atau negara yang bergabung atau yang bertindak atas kapasiti rasmi dalam apa jua cara, sama ada sepenuh masa, sambilan atau yang tidak dibayar. Pegawai kerajaan boleh didapati di setiap cawangan dan peringkat kerajaan dan kehidupan awam dan boleh termasuk sesiapa daripada kakitangan peringkat rendah kastam kepada penggubal undang-undang berpangkat tinggi, termasuk profesor dan guru, doktor gigi, doktor haiwan atau ahli profesional yang lain dan Pemimpin Utama Pemikiran dan pekerja media milik negara. Jika anda ragu-ragu sama ada seseorang individu boleh dianggap sebagai pegawai kerajaan, anda hendaklah menghubungi Organisasi Undang-undang Global.

Sentiasa berterus terang dan jujur dalam berurusan dan berkomunikasi dengan pekerja kerajaan. Sebarang kenyataan palsu (lisan atau bertulis) kepada kakitangan kerajaan, boleh mendedahkan Syarikat dan anda kepada hukuman yang berat.

Undang-undang melobi tertentu mungkin mewajibkan Syarikat ini dan/atau pekerjanya mendaftar dan melaporkan sebagai pelobi jika pekerja atau ejen Colgate berkomunikasi dengan pekerja kerajaan dengan tujuan mempengaruhi perundangan atau tindakan rasmi tertentu yang lain. Jika anda terlibat dalam apa-apa aktiviti sebegini atau merancang untuk berbuat demikian, sama ada secara langsung atau melalui pihak ketiga, anda hendaklah menghubungi Organisasi Undang-undang Global untuk menentukan syarat berkenaan dan langkah seterusnya.

SOALAN:

Saya memahami bahawa terdapat undang-undang yang melarang penyogokan pegawai kerajaan. Tetapi adakah undang-undang juga melarang penyogokan orang bukan pegawai kerajaan?

JAWAPAN:

Ya. Terdapat undang-undang antipenyogokan yang melarang penyogokan dalam kalangan pihak perdagangan swasta; iaitu, penyogokan dagangan. Undang-undang ini adalah sama pentingnya – dan dikuatkuasakan dengan ketat – seperti penyogokan pegawai dan pekerja kerajaan. Sentiasa ingat bahawa dasar Syarikat dan undang-undang setempat melarang penyogokan kepada sesiapa dalam menjalankan perniagaan Syarikat, sama ada pegawai kerajaan atau pun orang perseorangan.

Selain melarang memberi rasuah kepada pegawai kerajaan, dasar Syarikat dan undang-undang berkaitan juga melarang memberi rasuah kepada pihak swasta. Anda tidak boleh mencuba mempengaruhi pertimbangan atau kelakuan mana-mana pihak luaran yang mana anda menjalankan perniagaan Syarikat dengan mereka dengan menjanjikan hadiah, bayaran atau manfaat lain, atau dengan sebarang pendorong yang menyalahi undang-undang lain.

Kakitangan Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada garis panduan Syarikat berkenaan [Hubungan Perniagaan dengan Entiti Kerajaan](#), yang boleh didapati dalam Bab 10 Garis Panduan Amalan Perniagaan Syarikat di [ourcolgate.com](#).

KITA MEMATUHI PERATURAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

Syarikat mematuhi semua undang-undang yang mengawal perdagangan antarabangsa dan juga mesti mematuhi peraturan perdagangan A.S. yang berkenaan tidak kira di mana kita beroperasi di dunia.

Undang-undang Sekatan Perdagangan mengawal selia import dan eksport dan boleh melarang Syarikat daripada menjalankan perniagaan dengan negara tertentu atau individu dan entiti tertentu. Sebelum melibatkan mana-mana pihak ketiga (penjual, pelanggan dan sebagainya), pihak ketiga hendaklah disemak jika tersenarai dalam dua senarai "Pihak Disekat" yang disenggarakan oleh kerajaan A.S. untuk memastikan Syarikat dapat meneruskan urusan niaga.

Syarikat dilarang daripada menyertai pemulauan asing yang tidak dibenarkan oleh A.S. dan dikehendaki melaporkan dengan segera sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan pemulauan tersebut. Sebarang permintaan tersebut hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Organisasi Undang-undang Global untuk dikendalikan secara wajar.

Kakitangan Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada garis panduan Syarikat berkenaan [Aktiviti Perniagaan Antarabangsa](#), yang boleh didapati dalam Bab 9 Garis Panduan Amalan Perniagaan Syarikat di [ourcolgate.com](#).

KITA MEMATUHI UNDANG-UNDANG PRIVASI DATA DAN PERLINDUNGAN DATA

Colgate menghormati privasi pekerjaannya, pengguna, pelanggan, pembekal dan pihak ketiga lain yang Colgate mempunyai hubungan perniagaan dan oleh itu, kita mengendalikan data peribadi secara bertanggungjawab dan mengikut semua undang-undang privasi data dan perlindungan data yang berkenaan.

Sebagai sebahagian daripada pekerjaan mereka dengan Colgate, pekerja boleh memberikan maklumat peribadi tertentu kepada Syarikat, seperti alamat rumah dan e-mel, maklumat keluarga untuk tujuan pemampasan dan maklumat peribadi lain.

Sama juga, pengguna kita, melalui permintaan untuk maklumat produk atau penyertaan dalam pertandingan tajaan Syarikat, boleh memberikan maklumat peribadi, seperti nama, alamat rumah dan e-mel, kepada Syarikat.

Sepanjang tempoh hubungan perniagaan dengan Colgate, pelanggan, pembekal dan pihak ketiga lain boleh memberikan maklumat peribadi seperti nama, nombor telefon, nombor faks, alamat jalan, alamat e-mel dan maklumat kad kredit, kepada Syarikat.

Berkenaan semua maklumat ini, adalah menjadi dasar Colgate untuk:

- Hanya mengumpulkan, memproses, menggunakan dan menyimpan data peribadi atas sebab yang telah diberikan kepada kita, melainkan kita diberi persetujuan untuk kegunaan lain, dan seperti yang diperlukan untuk tujuan penyimpanan rekod kita;
- Mengambil semua langkah yang munasabah untuk melindungi data peribadi untuk mengelakkan pendedahan atau penggunaan yang tidak dibenarkan;
- Tidak berkongsi maklumat peribadi dengan pihak ketiga selain daripada pembekal perkhidmatan kita yang membantu kita menguruskan perniagaan kita, dan, hanya jika pihak tersebut telah bersetuju untuk mematuhi piawaian privasi dan semua undang-undang privasi yang terpakai;
- Mematuhi semua undang-undang privasi yang terpakai.

Undang-undang berkenaan privasi data dan perlindungan data sering digubal dan diubah suai. Kita komited untuk mengawasi perkembangan undang-undang privasi data dan perlindungan data dan mungkin, dari semasa ke semasa, menghasilkan dasar tertentu berkenaan dengannya.

Kakitangan Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada garis panduan Syarikat berkenaan [privasi data dan perlindungan data](#) yang boleh didapati dalam Bab 11 Garis Panduan Amalan Perniagaan Syarikat di ourcolgate.com.

KITA MEMATUHI UNDANG-UNDANG PENYIMPANAN REKOD

Banyak undang-undang di seluruh dunia mewajibkan Colgate mengekalkan jenis rekod tertentu (termasuk dokumen fizikal dan data elektronik) selama tempoh masa tertentu. Kegagalan mematuhi keperluan-keperluan ini boleh menyebabkan Syarikat dikenakan denda yang mahal dan hukuman lain. Colgate komited terhadap Program Pengurusan Rekod yang memenuhi semua syarat undang-undang dan peraturan yang berkaitan, memenuhi keperluan penyimpanan maklumat perniagaan kita dan memastikan rekod dan dokumen lain yang usang atau tidak diperlukan dibuang dengan cara yang betul.

Anda dikehendaki mendedahkan maklumat atau dokumen yang berkaitan dan diperlukan dalam sebarang tindakan undang-undang, siasatan atau prosiding seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. Apabila menerima sepina, perintah mahkamah atau proses undang-undang lain yang memerlukan pendedahan maklumat atau dokumen Syarikat, anda dikehendaki memberitahu Organisasi Undang-undang Global, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

Dalam hal yang demikian, anda hendaklah mengikut semua arahan yang diberikan oleh Organisasi Undang-undang Global dan menyimpan semua rekod yang mungkin responsif atau berkenaan terhadap sepina, litigasi atau penyiasatan tersebut, tanpa mengira keperluan Program Penyimpanan Rekod. Anda tidak boleh memusnahkan atau meminda rekod yang sedemikian, kerana pemusnahan rekod yang tidak wajar boleh menyebabkan akibat yang berat – termasuk hukuman sivil dan/atau jenayah dan akibat pekerjaan terhadap Syarikat dan diri anda.

Jika anda mempunyai soalan tentang kaitan sesuatu rekod dengan sesuatu penyiasatan, litigasi atau sepina, hubungi Organisasi Undang-undang Global sebelum melupuskan rekod tersebut. Kakitangan Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada "[Dasar Program Pengurusan Rekod](#)".

SOALAN:

Bagaimanakah saya dapat memastikan berapa lama saya harus menyimpan rekod Syarikat dan bila saya boleh membuangnya?

JAWAPAN:

Rujuk kepada laman web Pengurusan Rekod Syarikat di OurColgate.com > Laman C-P > Organisasi Undang-undang dan Kawal Selia > Program Pengurusan Rekod atau hubungi Penyelaras Rekod setempat anda (yang mana berkenaan).

KITA TIDAK MEMBUAT SUMBANGAN POLITIK

Dana atau aset Syarikat tidak boleh digunakan untuk sumbangan kepada mana-mana parti politik atau calon di mana-mana negara, pada mana-mana peringkat kerajaan. Sumbangan politik termasuk sumbangan langsung (kewangan) dan bukan kewangan. Sumbangan bukan kewangan termasuk pembelian tiket pungutan derma, sumbangan produk, kerja sukarela oleh warga Colgate pada waktu kerja biasa dan penggunaan kemudahan Colgate untuk pemungutan derma atau tujuan politik. Jika anda ada soalan ketika mempertimbangkan membuat sumbangan politik, sila hubungi Organisasi Undang-undang Global.

Syarikat dilarang memberi pampasan atau membayar balik mana-mana pekerja Colgate atau individu yang berkaitan dengan Syarikat (termasuk pelobi luar atau pihak ketiga lain), secara langsung atau tidak langsung, dalam apa jua bentuk, atas sumbangan politik yang telah dibuat.

Pekerja Colgate secara individu adalah bebas untuk membuat sumbangan peribadi kepada calon atau parti pilihan mereka. Sumbangan peribadi merupakan tanggungjawab dan beban individu dan tidak sepatutnya dibuat dengan tujuan membantu Colgate atau mana-mana syarikat kendaliannya dalam apa jua cara.

Sama seperti kebanyakan syarikat multinasional, Colgate menjadi ahli dan membayar yuran kepada beberapa persatuan perdagangan dan industri. Untuk membantu memastikan persatuan perdagangan tidak menggunakan mana-mana bahagian yuran yang dibayar oleh Colgate untuk sumbangan politik, Ketua Pegawai Etika dan Pematuhan Colgate akan menghantar peringatan setiap tahun kepada semua persatuan perdagangan A.S. yang Colgate menjadi ahli berbayar dan mewajibkan semua persatuan perdagangan melakukan proses perakuan tahunan. Untuk mengetahui lebih lanjut, sila rujuk kepada [Dasar Sumbangan Politik](#) kita, yang boleh didapati di bahagian "Syarikat Kita" colgatepalmolive.com.

HUBUNGAN KITA DENGAN MASYARAKAT

Syarikat ini berusaha untuk menjadi ahli yang menyumbang kepada komuniti global.

Di Colgate, kita menggunakan kepakaran kita dalam bidang kesihatan mulut, penjagaan peribadi, penjagaan rumah dan pemakanan haiwan kesayangan untuk menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat di seluruh dunia, dan untuk menyokong badan amal dengan matlamat yang sama. Kita adalah warganegara di setiap tempat kita beroperasi dan kita menangani isu kesihatan yang penting termasuk kekurangan air bersih, akses kepada penjagaan mulut dan penyebaran penyakit yang boleh dicegah.

KITA MENYERTAI PENDERMAAN DAN KESUKARELAWAN TEMPATAN

Di seluruh dunia, matlamat kita ialah untuk menyertai projek yang memajukan perkembangan dan kebajikan komuniti tempatan. Projek sedemikian termasuk menyertai kempen amal dan memikul tanggungjawab untuk membantu orang yang miskin, tercedera dan tak berumah semasa bencana negara. Fokus utama kita adalah pada orang muda, terutama pendidikan orang muda. Colgate percaya bahawa pelaburan dalam kanak-kanak hari ini akan memanfaatkan kita semua di hari esok. Justeru itu Syarikat ini menaja program membaca, inisiatif pementoran, pertandingan olahraga dan aktiviti belia yang lain di seluruh dunia. Usaha-usaha ini menggalakkan semangat pertandingan dan pencapaian dalam belia.

Syarikat ini juga menggalakkan pekerjaannya menyertai aktiviti amal tempatan pilihan mereka mengikut masa mereka sendiri.

Program Bright Smile Bright Future kita membolehkan Colgate melakukan impak yang besar dalam masyarakat tempat kita tinggal dan bekerja.

SOALAN:

Bolehkah saya meluangkan masa saya untuk bekerja sukarela dalam kempen politik tempatan?

JAWAPAN:

Ya. Walau bagaimanapun, adalah penting aktiviti politik anda diasingkan daripada tempat kerja. Syarikat tidak membuat sumbangan politik dan sumber Syarikat tidak sepatutnya (termasuk waktu kerja atau Nama Syarikat) digunakan dalam aktiviti-aktiviti peribadi ini.

KITA BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN DALAM ISU YANG MENJEJASKAN PERNIAGAAN KITA

Syarikat kita berniaga di lebih 200 negara dan wilayah. Ia menjadi dasar kita untuk bekerjasama dengan kerajaan tempatan dan nasional. Dari semasa ke semasa, mungkin timbul masalah yang menjejaskan perniagaan kita. Selepas membuat pertimbangan teliti, Syarikat akan menawarkan pendapat dan saranan kepada kerajaan tentang isu tertentu untuk menyokong matlamat dan keperluan perniagaan kita. Walau bagaimanapun, ini tidak boleh dibuat tanpa rundingan terlebih dahulu dengan pengurus anda dan Organisasi Undang-undang Global.

KITA MENENTANG AMALAN BURUH YANG BERSIFAT MENGEKSPLOITASI DAN TIDAK BERPERIKEMANUSIAAN

Colgate menentang penggunaan haram buruh kanak-kanak, eksploitasi manusia dan semua jenis layanan yang tidak boleh diterima terhadap pekerja. Lagipun, adalah dasar Colgate untuk tidak berurus niaga dengan mana-mana pembekal atau kontraktor yang diketahui menggunakan amalan buruh yang tidak berperikemanusiaan termasuk eksploitasi, hukuman fizikal, penderaan, perhambaan paksa atau penderaan jenis lain. Colgate tidak akan membiarkan pelanggaran undang-undang buruh yang lain dan jika ada pelanggaran diketahui oleh Syarikat, ia boleh dijadikan alasan untuk menamatkan hubungan perniagaan.

KITA MENUNJUKKAN KOMITMEN KITA TERHADAP HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

Colgate mempunyai komitmen dari dulu untuk menghormati hak asasi manusia dan hak pekerja di seluruh dunia dan menyokong Deklarasi Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Colgate juga adalah salah satu syarikat pengasas Prinsip Sullivan Global. Untuk mencapai tujuan itu, Colgate mengamalkan dan cuba berurusan dengan rakan kongsi perniagaan yang menggalakkan piawai berikut:

- peluang sama rata bagi semua pekerja pada setiap peringkat tanpa mengira bangsa, warna kulit, agama, jantina, identiti jantina, negara asal, keetnikan, umur, orientasi seks, ketidakupayaan, status perkahwinan, status veteran atau sebarang ciri lain yang dilindungi oleh undang-undang;
- tempat kerja yang selamat dan sihat yang menggalakkan kesejahteraan dan melindungi alam sekitar;
- upah yang membolehkan pekerja sekurang-kurangnya memenuhi keperluan asas mereka, dan peluang untuk pekerja meningkatkan kemahiran dan keupayaan mereka; dan
- hormat terhadap kebebasan pekerja menyertai persatuan yang sah dan mengiktiraf semua hak-hak undang-undang untuk menganjur dan berunding secara kolektif.

HUBUNGAN KITA DENGAN PERSEKITARAN

Persekitaran yang lebih bersih dan lebih sihat adalah penting bagi Colgate bukan sahaja kerana ini perkara yang patut tetapi kerana ini juga pertimbangan perniagaan yang waras. Kita komited untuk melakukan tugas kita membantu memelihara sumber Bumi yang terbatas dan mengekalkan kesejahteraan planet kita untuk generasi akan datang.

KITA KOMITED TERHADAP KEMAPANAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Di Colgate, kita menggunakan fokus kemapanan yang sama yang kita gunakan dalam setiap aspek perniagaan kita. Colgate sentiasa menyokong prinsip kemapanan, dan nilai teras kita - Keprihatinan, Kerja Berpasukan Global dan Peningkatan Berterusan - memandu usaha kemapanan kita. Fokus kita terus berkenaan dengan Manusia, Prestasi dan Planet.

Selain itu, kita komited untuk mencapai objektif kemapanan global untuk memastikan perniagaan Colgate berkembang dengan cara yang konsisten dan bertanggungjawab dan memanfaatkan orang yang kita berkhidmat, termasuk pekerja, pemegang saham, pengguna, pelanggan kita dan pemegang kepentingan lain di peringkat global sambil menggalakkan kesejahteraan generasi akan datang.

Selama beberapa tahun yang lalu, komitmen kita kepada kemapanan dan tanggungjawab sosial telah meningkat sambil kita menyepadukan inisiatif ini ke dalam operasi perniagaan kita. Pendekatan bersepadu ini telah memperkukuhkan kemapanan dan tanggungjawab sosial kita dan pencapaian perniagaan kita, membantu kita merekrut dan mengekalkan bakat yang terbaik, mempertingkatkan perhubungan kita dengan pemegang saham dan menawarkan peluang untuk inovasi. Boleh jadi yang paling penting, komitmen ini telah menguja dan menarik pekerja Colgate di serata dunia.

Untuk maklumat tambahan mengenai program dan inisiatif kemapanan Syarikat, sila rujuk kepada bahagian "[Kemapanan: Memberikan Sebab Untuk Senyum Kepada Dunia](#)" di colgatepalmolive.com.

KITA MENJAGA DAN MELINDUNGI PERSEKITARAN

Syarikat komited untuk melakukan tugas kita membantu menyelamatkan dan memelihara sumber Bumi yang terbatas. Komitmen planet yang berkaitan merangkumi penggunaan tenaga, pelepasan karbon, penggunaan air dan pelupusan sisa. Oleh itu, kita semua harus mematuhi dengan ketat undang-undang dan peraturan persekitaran yang berkenaan yang tersurat dan tersirat dan dasar awam yang diwakilinya.

Kita menggalakkan komunikasi terbuka dengan orang awam dan mengekalkan perkongsian yang aktif dan produktif dengan komuniti tempat kita beroperasi. Kita akan terus berkongsi maklumat dengan pengguna tentang strategi dan program persekitaran kita dan bekerjasama dengan ketua komuniti dan orang lain yang mempunyai komitmen yang sama.

Strategi berterusan kita untuk mengurangkan jejak kaki kita di persekitaran akan kekal menjadi bahagian yang penting dalam penghasilan, pembungkusan, pengedaran dan pemasaran produk kita.

Kakitangan Colgate boleh mendapatkan maklumat tambahan dengan merujuk kepada "[Kenyataan Dasar Persekitaran, Kesihatan & Keselamatan Pekerja](#)" Syarikat yang boleh didapati dalam Bab 18 Garis Panduan Amalan Perniagaan Syarikat di ourcolgate.com.

HUBUNGAN KITA DENGAN PEMEGANG SAHAM

Kita berusaha untuk berkhidmat demi kepentingan pemegang saham kita dan membina nilai pemegang saham.

KITA MENDUKUNG TADBIR URUS KORPORAT YANG BAIK DEMI MELINDUNGI NILAI PEMEGANG SAHAM

Dasar dan program tadbir urus korporat Syarikat yang merupakan satu komponen penting Tatakelakuan ini, bertindak sebagai perlindungan penting pemegang saham. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini banyak "sekatan dan imbalan" telah ditubuhkan oleh Kongres, Suruhanjaya Bursa Sekuriti (SEC), Bursa Saham New York (NYSE), dan pengawal atur dan pihak berkuasa lain di seluruh dunia demi menggalakkan kelakuan korporat beretika yang telah menjadi amalan piawai Colgate sejak bertahun-tahun. Pemegang saham kita mendapat perkhidmatan yang baik daripada lembaga pengarah yang bebas, yang mana segolongan besar terdiri daripada pengarah bebas, dan jawatankuasa bebas yang mengendalikan hal-hal audit, pampasan dan tadbir urus. Piagam jawatankuasa dan garis panduan tadbir urus yang sering dikemas kini menggariskan dengan jelas peranan dan tanggungjawab pengarah dan dasar tadbir urus korporat Syarikat.

Untuk maklumat lanjut tentang program tadbir urus korporat Syarikat, sila lihat "[Garis Panduan Lembaga Pengarah tentang Isu-isu Penting Tadbir Urus Korporat](#)" dan piagam Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pencalonan dan Tadbir Urus Korporat, Jawatankuasa Kakitangan dan Organisasi dan Jawatan Kuasa Kewangan Syarikat, yang mana kesemuanya terdapat di colgatepalmolive.com.

KITA MENGEKALKAN PROGRAM AUDIT YANG KUKUH UNTUK MENAMBAH KEYAKINAN PELABUR

Syarikat ini komited terhadap kualiti, integriti dan ketelusan laporan kewangannya. Komitmen ini dapat dilihat dalam dasar dan prosedur berterusan Syarikat, termasuk kumpulan audit dalaman yang mengawas kawalan kewangan seluruh dunia, juruaudit bebas yang diberikan mandat luas, dan Jawatankuasa Audit bebas yang mengendalikan bahagian-bahagian tersebut. Untuk memaksimumkan keberkesanan sumber-sumber ini, pekerja kita dikehendaki melibatkan diri dalam komunikasi yang terbuka dan jujur dan pertukaran maklumat yang bebas dengan juruaudit dalaman dan luar dan Jawatankuasa Audit.

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang peranan penting juruaudit dalaman, juruaudit bebas dan Jawatankuasa Audit Syarikat ini, sila lihat "[Piagam Jawatankuasa Audit](#)," yang terdapat di colgatepalmolive.com.

KITA SENTIASA MEMAKLUMKAN PEMEGANG SAHAM TENTANG KEMAJUAN SYARIKAT

Setiap tahun pemegang saham dipelawa untuk menghadiri mesyuarat tahunan Syarikat di mana kemajuan Syarikat sepanjang tahun lepas ditinjau semula dan pemegang saham berpeluang mengemukakan soalan kepada pengurusan kanan Syarikat. Pada masa lain, pemegang saham boleh melawat laman web Syarikat, colgatepalmolive.com.

TANGGUNGJAWAB KITA TERHADAP PEMATUHAN



Mempunyai hukum tertulis kelakuan tidak mencukupi - menegakkan piawai tingkah laku adalah menjadi tanggungjawab semua warga Colgate, dan kelakuan peribadi kita hendaklah mencerminkan komitmen kepada piawai etika kita yang tinggi.

KOMUNIKASI DAN PENDEDAHAN ADALAH PENTING

Dalam menerima pekerjaan dengan Colgate, kita semua bertanggungjawab terhadap pematuhan pada piawai kelakuan ini, bersama dengan semua undang-undang dan peraturan dan garis panduan yang lebih terperinci yang terkandung dalam Garis Panduan Amalan Perniagaan dan dalam dasar, prosedur dan garis panduan lain yang disediakan oleh Syarikat kita dan subsidiari, unit operasi dan bahagiannya. Pengurus bertanggungjawab menyampaikan piawai-piawai ini kepada orang yang bekerja dengan mereka, memastikan yang mereka memahami dan mematuhi piawai tersebut, dan mewujudkan suasana di mana pekerja boleh berbincang dengan bebas tentang masalah etika dan undang-undang.

KITA MEMPUNYAI SUMBER DALAMAN UNTUK MEMBANTU ANDA JIKA ANDA MEMERLUKAN BIMBINGAN

Tatakelakuan ini tidak dapat memberikan jawapan muktamad kepada semua soalan. Untuk itu kita harus pada akhirnya bergantung pada budi bicara baik setiap orang tentang apa yang dikehendaki untuk mematuhi piawai tinggi Syarikat ini, termasuk mengetahui masa yang sesuai untuk meminta panduan tentang tindakan selanjutnya. Jika anda ada soalan tentang kandungan yang dibincangkan dalam Tatakelakuan atau jika anda ragu-ragu mengenai langkah terbaik dalam keadaan tertentu, sila dapatkan panduan seperti yang dinyatakan di bawah.

SIAPAKAH YANG SAYA PERLU HUBUNGI JIKA SAYA MEMERLUKAN BANTUAN?



PEKERJA



PERUNDANGAN

Hubungi anggota Organisasi Undang-undang Global jika ada soalan pematuhan, atau untuk mendapatkan nasihat atau bantuan mentafsirkan undang-undang, peraturan atau dasar Syarikat termasuk Tatakelakuan dan Garis Panduan Amalan Perniagaan.



ETIKA & PEMATUHAN GLOBAL

Anda digalakkan untuk menghubungi Etika Global & Pematuhan melalui EthicsLine untuk bertanya soalan, mendapatkan panduan cara menggunakan Tatakelakuan dalam keadaan tertentu atau untuk "Bersuara" mengenai kemungkinan pelanggaran.



SUMBER MANUSIA

Wakil Sumber Manusia tempatan anda adalah satu lagi sumber berharga untuk mendapatkan nasihat dan khidmat guaman mengenai dilema etika.



PENGURUS ANDA

Berbincanglah dengan pengurus anda atau ahli pasukan kepimpinan organisasi anda jika ada kekhawatiran atau soalan etika. Jika mereka tidak dapat membantu anda, mereka akan merujuk anda kepada sumber yang sesuai. Selain itu, jika anda tidak selesai bercakap dengan pengurus anda, anda boleh menghubungi Sumber Manusia, Etika & Pematuhan Global.

SOALAN:

Sebagai pengurus, apakah yang perlu saya lakukan jika ada ahli pasukan saya “Bersuara” dan menyatakan kekhawatirannya?

JAWAPAN:

Sebagai ketua, anda dijangka untuk menggalakkan orang lain bercakap secara terbuka dan jujur dan membangkitkan isu, walaupun yang sensitif. Apabila ada ahli pasukan menyuarakan kekhawatiran atau meminta anda mendapatkan bantuan, anda hendaklah kekal objektif, terbuka dan responsif. Ucapkan terima kasih kepada anggota pasukan atas komitmen beliau terhadap standard etika Syarikat. Walaupun anda mungkin tidak bersedia untuk memberi jawapan segera kepada ahli pasukan tersebut, ini merupakan peluang anda untuk memanfaatkan sumber lain seperti Sumber Manusia, Organisasi Undang-undang Global atau Etika & Pematuhan Global untuk membantu anda menyediakan bimbingan yang sesuai kepada ahli pasukan tersebut.

KITA “BERSUARA” UNTUK MELAPORKAN KEKHUATIRAN KEPADA PIHAK YANG PATUT

Jika anda mengetahui atau mengesyaki pelanggaran terhadap Tatakelakuan, Panduan Amalan Perniagaan atau dasar Syarikat yang lain, anda dikehendaki melaporkan maklumat tersebut dengan segera kepada pengurus anda, Sumber Manusia atau Organisasi Undang-undang Global. Sebaliknya, anda juga bebas untuk memberitahu peringkat pengurusan yang lebih tinggi tanpa khuatir akan tindakan balas.

BAGAIMANAKAH CARA MEMASTIKAN TIADA TINDAKAN NEGATIF AKAN DIAMBIL TERHADAP SAYA?

Anda boleh menghubungi Jabatan Etika & Pematuhan Global melalui EthicsLine Colgate-Palmolive.

Semua maklumat yang diberi melalui EthicsLine akan dikaji semula dan, jika ia berkaitan dengan Tatakelakuan, perkara ini akan disiasat dengan segera dan teliti oleh Etika & Pematuhan Global dan/atau Organisasi Undang-undang Global. Orang yang melaporkan tidak sekali-kali harus menjalankan penyiasatan sendiri kerana ini boleh melibatkan masalah undang-undang yang kompleks. Bertindak secara sendirian boleh mengkompromikan integriti penyiasatan dan boleh menjejaskan nama Colgate dan diri anda.

Laporan boleh dibuat secara awanama (anonymous) setakat dibenarkan oleh undang-undang tempatan. Begitu pun kami menggalakkan anda supaya memperkenalkan diri anda apabila membuat panggilan untuk memudahkan penyiasatan dan susulan. Terdapat undang-undang dalam negara tertentu yang mengehadkan jenis maklumat yang boleh dilaporkan. Jika undang-undang ini berkenaan dengan situasi anda, wakil Jabatan Etika & Pematuhan Global akan merujuk anda kepada seseorang di dalam unit perniagaan anda yang boleh membantu pertanyaan atau kekhawatiran anda.

Bagaimanapun, ingat jika anda ingin memperkenalkan diri sendiri, Syarikat juga akan mengambil langkah yang diperlukan untuk merahsiakan identiti individu dan maklumat yang diberikan, dan hanya akan mendedahkan maklumat tersebut atas dasar perlu tahu jika pendedahan adalah:

- Perlu demi menjalankan penyiasatan yang berkesan dan mengambil tindakan yang wajar; atau
- Diwajibkan oleh undang-undang yang berkenaan.

Sesuatu laporan atau aduan mungkin mengandungi data peribadi. Untuk tujuan penyiasatan pelanggaran atau pelanggaran yang disyaki, mungkin perlu, tertakluk pada undang-undang tempatan, untuk memindahkan data peribadi yang dikumpulkan di satu negara ke negara-negara lain, termasuk Amerika Syarikat. Dalam hal yang demikian, data peribadi mungkin digunakan oleh pekerja Syarikat dan entiti Colgate yang menyertai operasi Jabatan Etika & Pematuhan Global untuk menyiasat laporan tersebut, tetapi hanya bagi tempoh yang diperlukan untuk tujuan ini (dan selepas itu data peribadi demikian akan dilupuskan atau disimpan mengikut keperluan dasar Syarikat atau undang-undang).

ETHICSLINE TATAKELAKUAN



ethics@colpal.com



(800) 778-6080
 (bebas tol dari A.S.,
 Kanada dan Puerto Rico)
1-(212) 310-2330
 (caj balik jika daripada
 semua lokasi lain)



Global Ethics & Compliance
Colgate-Palmolive Company
300 Park Ave, 5th Floor
New York, NY 10022



Alat Web



Faks
(212) 310-3745


SOALAN:

Saya pernah diberitahu bahawa suara saya bermakna tetapi baru-baru ini selepas saya pergi berjumpa pengurus saya untuk "Bersuara" tentang suatu kekhuatiran yang serius, tiada apa yang berlaku. Apakah yang saya perlu buat sekarang?


JAWAPAN:

Kita semua bertanggungjawab untuk memastikan Syarikat kita mengekalkan budaya integriti dan standard etika yang tinggi. Jika anda rasa tiada tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk menyelesaikan kekhuatiran anda, masih ada beberapa sumber lain. Jangan takut untuk membangkitkan perkara tersebut ke tahap yang lebih tinggi dan "Bersuara" kepada peringkat pengurusan yang lebih tinggi, Sumber Manusia, Organisasi Undang-undang Global atau Etika & Pematuhan Global. Syarikat menghargai usaha anda membawa perkara ini ke hadapan.

APAKAH YANG AKAN BERLAKU SELEPAS SAYA MENGHUBUNGI ETHICSLINE?



PROSES PENYIASATAN COLGATE



TINDAKAN DISIPLIN MUNGKIN DIAMBIL

Syarikat mempunyai dasar "toleransi sifar" terhadap sebarang kelakuan yang melanggar Tatakelakuan atau Garis Panduan Amalan Perniagaan. Ini bermaksud apabila kejadian pelanggaran telah disahkan berlaku, tindakan yang bersesuaian yang setara dengan sifat dan takat pelanggaran akan diambil. Individu atau pengurus dalam Syarikat ini tidak dibenarkan melibatkan diri dalam kelakuan yang tidak mematuhi Tatakelakuan, atau untuk membenarkan, mengarah, meluluskan atau menyokong kelakuan sedemikian oleh sesiapa sahaja. Dengan itu, Syarikat berhasrat untuk menghalang kejadian yang tidak mematuhi Tatakelakuan atau Garis Panduan Amalan Perniagaan dan untuk menghentikan sebarang kelakuan tersebut yang mungkin berlaku secepat mungkin selepas pendedahannya. Pekerja Colgate yang melanggar Tatakelakuan atau Garis Panduan Amalan Perniagaan mungkin tertakluk kepada tindakan disiplin, sehingga kepada dan termasuk penamatan, tertakluk pada undang-undang setempat.

TATAKELAKUAN INI DIKENAKAN KEPADA SEMUA WARGA COLGATE DAN AKTIVITI SYARIKAT

Pematuhan terhadap Tatakelakuan dan Garis Panduan Amalan Perniagaan akan diawasi oleh Jabatan Etika & Pematuhan Global. Jabatan ini akan melaporkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Colgate tentang penubuhan, pelaksanaan dan penguatkuasaan Tatakelakuan ini dan program yang berkaitan.

Maklumat yang dilaporkan ke Jabatan Etika & Pematuhan Global atau melalui saluran lain akan, sebagaimana wajar, disampaikan secara sulit kepada Jawatankuasa Audit.

Tatakelakuan ini dikenakan pada semua orang yang bekerja dengan Syarikat Colgate-Palmolive dan subsidiarinya, termasuk pegawai, dan juga dikenakan pada pengarah dan wakil Syarikat sejajar dengan undang-undang yang berkuat kuasa. Salinan Tatakelakuan boleh didapati dalam talian di tapak intranet dalaman kita dan juga laman web luaran dan patut disediakan kepada semua pihak ketiga yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak Syarikat. Pekerja Colgate di seluruh dunia menunjukkan pematuhan mereka terhadap pematuhan dan piawai etika Syarikat dengan menyertai dalam latihan dan perakuan Tatakelakuan setiap tahun.



COLGATE-PALMOLIVE COMPANY

300 Park Avenue
New York, NY 10022
212-310-2000
www.colgatepalmolive.com